AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# پليتا بروني
# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA Allah tetap menerima taubat seseorang hamba-Nya, selama nyawanya belum sampai di kerongkongnya".
- Hadis Riwayat ImamTermizi.

| WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK | 4.52 | SUBUH | 5.02 | SYURUK | 6.26 | DUHA | 6.50 | ZUHUR | 12.22 | ASAR | 3.44 | MAGHRIB | 6.16 | ISYAK | 7.31 | Daerah Belait ditambah 3 minit<br>Daerah Tutong ditambah 1 minit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

TAHUN 68 BILANGAN 155 | 27 DISEMBER 2023 / 1445 جمادي الأخير 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU PERCUMA

## MAJLIS BERSAMA RAKYAT, PENDUDUK NBD DI UK, EIRE, 28 DISEMBER



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Eire pada 18 Disember 2022. - Foto : Jabatan Penerangan (*Lihat muka 3*).**

# Pemantauan perkembangan projek pembinaan masjid diteruskan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman meneruskan lagi siri lawatan ke tapak-tapak projek di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dan juga Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) bagi meninjau dan memantau perkembangan projek-projek berkenaan dalam memastikan ia berjalan dengan lancar serta mematuhi piawaian dan tarikh siap yang telah ditetapkan.

Tumpuan Lawatan Kerja berkenaan meliputi Projek Pembinaan Masjid Baharu Kampung Junjongan, Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan memulakan lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu Kampung Junjongan iaitu di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 3

# Perkukuh dasar, strategi pemindahan buah pinggang

**Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Disember. - Para penyelidik dari pelbagai negara membuat kajian mengenai faktor utama tindakan menggunakan organ orang yang telah meninggal dunia secara praktikal dan berkesan di Asia dan membincangkan cara kolaboratif untuk bergerak ke hadapan dalam kertas kerja yang diterbitkan dalam The Lancet Regional Health - Asia Tenggara.

Penyakit Buah Pinggang Peringkat Akhir (End-Stage Kidney Disease - ESKD) semakin meningkat di Asia, dengan salah satu daripada kadar kejadian tertinggi di dunia.

Pemindahan buah pinggang adalah rawatan pilihan utama untuk ESKD; dengan kelangsungan hidup jangka panjang yang unggul, kualiti hidup dan keberkesanan kos berbanding rawatan dialisis.

Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan bahawa Asia lambat menerima pemindahan buah pinggang, dengan kadar median penderma global yang meninggal dunia ialah 15.1 per juta penduduk (pmp) pada 2018; manakala Asia Timur dan Utara, Asia Tenggara (termasuk Oceania) dan Asia Barat melaporkan kadar median masing-masing 3.4 pmp, 6.1 pmp dan 4.4 pmp.

Sepasukan penyelidik antarabangsa, termasuk pakar perubatan dari Negara Brunei Darussalam, India, Arab Saudi, Qatar, Pakistan, Hong Kong, Jepun, Malaysia dan Singapura, menerbitkan kertas kerja dalam The Lancet Regional Health - Asia Tenggara pada 9 November 2023, yang mengkaji dasar dan Amalan Pemindahan Buah Pinggang Penderma (DDKT) yang lazim, dalam masyarakat Asia dan membincangkan cara untuk menangani cabaran yang menjejaskan DDKT di rantau ini.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



BERWASPADA sepanjang cuti persekolahan
Muka 5



SKIM bimbingan mantapkan lagi ilmu Islam
Muka 6



CEBURI bidang keusahawanan sebagai sumber pendapatan
Muka 8



RENCANA
BANTU ringankan penderitaan penduduk Palestin di Gaza
Muka 20

قليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Semangat, tekad sukarelawan perlu diteruskan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-I-Wal Mursalin, Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**

**ALHAMDULILLAH,** segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnianya jua kita dapat berkumpul beramai-ramai pada malam ini bagi Majlis Penghargaan Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Tahun 2023.

Terlebih dahulu peramba / saya sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam memberikan kesempatan kepada peramba / saya dan Ahli-ahli Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk bersuai kenal bersama Ahli-Ahli Sukarelawan yang berdaftar di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam majlis pada malam ini.

Peramba / saya mengambil maklum bahawa Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini mula ditubuhkan pada 9 Januari 2005, iaitu mencapai usia 18 tahun. Setakat ini, terdapat 2,934 orang ahli sukarelawan yang berdaftar di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Sebahagian daripada Ahli-ahli Sukarelawan berkenaan masih kekal menabur bakti menyumbangkan tenaga dan buah fikiran hingga ke hari ini tanpa mengira penat lelah. Semangat dan tekad mereka adalah aset berharga yang perlu diteruskan dan dipertingkatkan di masa yang akan datang.

Peramba / saya juga mengambil maklum bahawa Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui Bahagian Pengurusan Data dan Sukarelawan dan Bahagian Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial telah menyediakan platform bagi memudahkan Ahli-Ahli Sukarelawan untuk membantu dan mendukung Projek dan Aktiviti Amal Kebajikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan lebih fokus dan berkesan dengan mengutamakan golongan sasaran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Di antaranya adalah :

Pertama - Melalui Program Intervensi Pendidikan iaitu satu program bagi memastikan pelajar-pelajar yang dibantu akan dapat meraih peluang sama-rata di dalam aspek Pendidikan secara inklusif. Program yang telah diperkenalkan sejak tahun 2006 ini membantu pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan dan lemah dalam pelajaran untuk diberikan kelas tambahan pada setiap hari Ahad. Tenaga pengajar adalah dari kalangan ahli-ahli sukarelawan lepasan universiti di Negara ini.

Kedua - Melalui Projek Bantuan untuk meningkatkan Sosioekonomi iaitu satu projek bagi mempertingkatkan ekonomi dan memperkukuhkan jati diri sesebuah keluarga yang berpendapatan rendah dalam usaha untuk membasmi kemiskinan di negara ini. Projek ini sangat signifikan dalam merealisasikan visi 'Masyarakat Mandiri' seperti yang terkandung di bawah Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Para Sukarelawan berperanan penting dalam membantu dan membimbing Usahawan Bakarih Yayasan secara berterusan agar penerima-penerima bantuan berkenaan akan berjaya dan keluar dari kebergantungan terhadap bantuan kebajikan di negara ini.

Ketiga - Melalui Projek Bantuan Kecemasan dan Kemasyarakatan iaitu projek bagi membantu mangsa-mangsa banjir atau mereka yang ditimpa malapetaka seperti kebakaran dan bencana alam seperti ribut dan angin kencang. Kerja-kerja Kemasyarakatan seperti membersihkan masjid, balai-balai ibadat dan tempat-tempat awam secara langsung juga boleh mewujudkan budaya perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Keempat - Projek Amal Memeduli Warga Emas dan Keluarga sebagai salah satu usaha bagi memberikan bantuan dalam bentuk perkhidmatan seperti membaiki dan membersihkan rumah demi menjaga kesejahteraan sesebuah keluarga dan warga emas yang memerlukan bantuan. Projek ini dapat menyemai sikap bergotong-royong di kalangan sukarelawan secara khususnya dan diharapkan ianya akan dapat dilaratkan kepada masyarakat secara amnya.

Majlis pada malam ini adalah Majlis Penghargaan kepada Sukarelawan Yayasan dan mereka yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sukarela dalam menggerakkan dan menjayakan projek-projek Amal Kebajikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Peramba / saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Sukarelawan Yayasan dan Rakan-rakan Strategik Yayasan kerana telah berjaya merancang dan melaksanakan pelbagai projek dan aktiviti bagi membantu golongan yang memerlukan melalui pendekatan senegara ataupun Whole of Nation Approach.

Peramba / saya penuh yakin bahawa *platform* kesukarelawanan yang ada ini, akan dapat memberikan ruang kepada setiap lapisan masyarakat sama ada di peringkat kumpulan atau individu untuk sama-sama menyumbang kepada mewujudkan persekitaran yang kondusif demi kesejahteraan bersama secara inklusif dan mendukung kepada merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad berucap pada Majlis Penghargaan Sukarelawan YSHHB bertempat di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, Bandar Seri Begawan pada Sabtu, 23 Disember 2023.**

>> Muka 7

## WAKTU SEMBAHYANG

| Disember MASIHI | HARI | Jamadilakhir HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | RABU | 14 | 4 . 52 | 5 . 02 | 6 . 26 | 6 . 50 | 12 . 22 | 3 . 44 | 6 . 16 | 7 . 31 |
| 28 | KHAMIS | 15 | 4 . 53 | 5 . 03 | 6 . 26 | 6 . 50 | 12 . 22 | 3 . 44 | 6 . 17 | 7 . 31 |
| 29 | JUMAAT | 16 | 4 . 53 | 5 . 03 | 6 . 27 | 6 . 51 | 12 . 23 | 3 . 45 | 6 . 17 | 7 . 32 |
| 30 | SABTU | 17 | 4 . 54 | 5 . 04 | 6 . 27 | 6 . 51 | 12 . 23 | 3 . 45 | 6 . 17 | 7 . 32 |
| 31 | AHAD | 18 | 4 . 54 | 5 . 04 | 6 . 28 | 6 . 52 | 12 . 24 | 3 . 46 | 6 . 18 | 7 . 33 |
| 1 Januari | ISNIN | 19 | 4 . 55 | 5 . 05 | 6 . 28 | 6 . 52 | 12 . 24 | 3 . 46 | 6 . 19 | 7 . 33 |
| 2 | SELASA | 20 | 4 . 55 | 5 . 05 | 6 . 29 | 6 . 53 | 12 . 25 | 3 . 47 | 6 . 19 | 7 . 34 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 26 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 26 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 27 DISEMBER 2023

### Matlamat dalam menetapkan azam baharu

**SUDAH** menjadi satu kelaziman bilamana setiap kali berganti tahun, kita akan memasang atau memperbaharui azam, malah ada yang menjadikannya sebagai kewajipan untuk menetapkan satu matlamat baharu dalam kehidupan.

Pelbagai azam kita biasa dengar setiap tahun seperti ingin menurunkan berat badan, mendapat keputusan cemerlang atau menjadi pekerja berdedikasi yang dijadikan sebagai dorongan untuk berusaha lebih kuat dan gigih bagi mencapainya.

Malah sebagai Muslim, penekanan dalam soal ibadat dan akhlak perlu diberi perhatian dalam menetapkan azam seperti memperbaiki sembahyang, khatam Al-Quran, bersembahyang jemaah di masjid, meninggalkan perkara maksiat dan kurang bercakap perkara sia-sia.

Perlu diingat bahawa azam atau matlamat yang ditetapkan, hendaklah jelas dan bukannya terawang-awang hingga terlalu sukar dilaksanakan. Apabila disebut sahaja perkataan azam, sudah tentu kita mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan sesuatu.

Secara umumnya, kita boleh berazam setiap hari, namun jarang melakukannya kerana menunggu hari yang bermakna atau sesuai dengan kita bagi tujuan melaksanakan azam tersebut.

Justeru, sejauh mana keazaman kita sebelum ini dipenuhi dan apakah jaminan untuk mencapai azam tersebut bagi tahun yang mendatang. Namun adakalanya azam tersebut tidak akan dapat dicapai semuanya kerana sifat semula jadi yang lemah dan mudah terdedah kepada sesuatu yang buruk.

Terdapat banyak kenikmatan yang kita dapat dalam sehari-hari mengenai nikmat kehidupan, nikmat kesihatan, nikmat pendengaran, nikmat penglihatan, nikmat kedua tangan dan kedua kaki, nikmat udara air serta nikmat makanan.

Islam mengajarkan kepada kita bahawa setiap hari merupakan satu anugerah yang tidak terhingga kerana dengan izin-Nya kita dapat hidup dan menjalani kehidupan kita dengan baik.

Selaku umat Islam seharusnya kita sedar bahawa tahun baharu bukan hanya sekadar tentang perubahan waktu tetapi persoalan yang paling penting adalah berapa banyak ketaatan kita kepada Allah yang telah dilakukan.

Masuknya tahun baharu boleh dianalogikan seperti memperoleh 'buku baharu' yang kosong, bersih dan suci yang Allah anugerahkan. Dan kita pun berazam untuk jadi lebih baik dan lebih matang daripada tahun-tahun sebelumnya. Tujuannya untuk kita penuhkan lembaran putih yang kosong dalam buku baharu itu dengan skrip kehidupan yang positif dan bermakna.

Oleh itu, tanamkanlah azam dengan niat dan hati yang penuh ikhlas dan sematkan dalam hati setiap hari Allah anugerahkan peluang baharu untuk kita perbaiki urusan kehidupan di dunia dan akhirat dan peluang untuk kita membantu orang lain dalam urusan dunia dan akhirat mereka menerusi khidmat dan sebagainya.
**- Ketua Penyuntingan (Zk)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Majlis Bersama Rakyat, Penduduk NBD di UK, Eire, 28 Disember



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam semasa berkenan bergambar ramai pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Eire pada 18 Disember 2022.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Isnin, 25 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam akan berangkat menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom (UK) dan Eire pada 28 Disember 2023 di London.

Majlis ini akan memberikan peluang keemasan kepada rakyat dan penduduk khasnya yang berada di UK dan Eire yang terdiri daripada penuntut-penuntut, pegawai-pegawai kerajaan dan mereka yang sedang dalam percutian untuk berjunjung ziarah dan beramah mesra ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

# Pemantauan perkembangan projek pembinaan masjid diteruskan





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan semasa mengadakan siri lawatan ke tapak-tapak projek di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dan juga Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) (atas dan atas kiri).**

<< Muka 1

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

Projek Pembinaan Masjid Baharu Kampung Junjongan mula dilaksanakan pada bulan September 2021 dan dijangka siap pada penghujung bulan Januari 2024. Kos pembinaan Masjid Baharu Kampung Junjongan adalah sebanyak BND4.9 juta. Apabila siap nanti, masjid ini akan dapat menampung kira-kira 1,600 jemaah.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan melawat ke Tapak Projek Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah yang akan menempatkan bilik-bilik darjah tambahan bagi menampung bilik-bilik darjah yang sedia ada.

Projek Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah di bawah peruntukan RKN Ke-11 ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2024.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan mengakhiri lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Rimba yang juga di bawah peruntukan RKN Ke-11.

Projek tersebut yang telah bermula pada bulan Julai 2023 dijangka siap pada bulan November 2024 dengan kos pembinaan masjid berkenaan berjumlah BND3.6 juta. Masjid ini nanti akan dapat menampung kira-kira 2,000 jemaah.

Juga menyertai Lawatan Kerja ini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan KHEU dan Kementerian Pembangunan.



PELITA BRUNEI

# PERKUKUH DASAR, STRATEGI PEMINDAHAN BUAH PINGGANG



**PAKAR Perunding Nefrologi, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dan Profesor Adjung, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Jackson Tan bersama koordinator pemindahan dan pesakit pemindahan buah pinggang ke-20 di Negara Brunei Darussalam.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

<< Muka 1

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berpegang teguh dengan komitmennya untuk memastikan rakyat menerima penjagaan kesihatan berkualiti tinggi, mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan negara.

Para pengkaji berkongsi bahawa dasar serantau dengan rangkaian sistem sokongan sampingan, melengkapkan dasar sedia ada.

Keperluan ini amat mendesak di negara berpendapatan rendah, kerana ketiadaan dasar negara untuk mentadbir dan memberi hala tuju, kepada aktiviti pemindahan buah pinggang tempatan.

Kekurangan dasar sebegitu di seluruh Asia boleh meningkatkan persekitaran bagi pemindahan secara komersial yang tidak sah dan eksploitasi masyarakat yang terdedah untuk menderma organ.

Penulis utama, Pakar Perunding Nefrologi, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dan Profesor Adjung, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Jackson Tan berkata : "Kejayaan Asia Program DDKT akan bergantung pada keberkesanan polisi tempatan untuk mengukuhkan infrastruktur pemindahan tempatan, menambah baik penglibatan awam, menyelaraskan sokongan pelbagai sektor dan mewujudkan bidang kuasa perundangan.

Pendekatan yang boleh difahami dan realistik diperlukan untuk menyelaraskan usaha dan merapatkan jurang dengan negara berpendapatan rendah, terutamanya untuk mengekang pengkomersialan.

Harapan jangka masa panjang seharusnya adalah untuk membolehkan ekuiti serantau dan sara diri melalui etos bersama tanggungjawab sosial dan etika, yang melampaui dan bergema dengan segmen masyarakat Asia yang berbeza".

Para pengkaji juga menjelaskan bahawa masyarakat Asia mempunyai demografi penduduk yang unik dengan kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang perlu diambil kira.

Ini bermakna program dan penyelesaian kepada cabaran yang dilaporkan di negara Barat maju mungkin tidak boleh digunakan.

Halangan lain untuk meningkatkan kadar DDKT ialah jurang perbezaan yang melampau dalam populasi negara, saiz geografi, status pendapatan dan mekanisme pembiayaan kesihatan di rantau ini.

Ini mengakibatkan cabaran di beberapa negara, seperti pengetahuan dan sikap awam yang lemah terhadap DDKT, kekurangan sokongan infrastruktur dan kewangan, serta ketersediaan pengkomersialan pemindahan organ.

Matlamat utama dasar DDKT adalah untuk meningkatkan kadar pemindahan buah pinggang melalui saluran yang dikawal dan diselaraskan.

Kebanyakan negara maju mempunyai dasar yang koheren yang mengawal perkembangan pemindahan buah pinggang selama beberapa dekad, dengan inisiatif terbaru, untuk mengutamakan penggunaan optimum sumber organ yang terhad sambil mengekalkan ekuiti dalam pengagihan.

Strategi ini berfungsi dengan baik dalam komuniti, dengan pemikiran terhadap derma yang matang dan berkembang, seperti yang terbukti, dengan peningkatan bilangan DDKT sejak beberapa dekad yang lalu.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menggesa negara untuk maju ke arah sara diri dalam pemindahan dan menekankan bahawa program DDKT harus dibangunkan hingga potensi terapeutik maksimumnya.

Matlamat untuk pendekatan serantau bagi mengembangkan program DDKT, akhirnya menjadi matlamat global : untuk meningkatkan derma, menambah baik pendidikan, infrastruktur serta kerjasama antarabangsa dan memastikan DDKT mampan dan beretika.

# Penutupan sementara sebahagian jalan di Simpang 691, Jalan Tutong




**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya**

**PENUTUPAN sementara sebahagian jalan di Simpang 691, Jalan Tutong yang dijadualkan bermula pada 27 sehingga 29 Disember 2023 mulai jam 7.00 pagi sehingga kerja-kerja selesai.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 26 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian jalan di Simpang 691, Jalan Tutong.

Penutupan sementara ini dijadualkan bermula pada 27 sehingga 29 Disember 2023 mulai jam 7.00 pagi sehingga kerja-kerja selesai.

Tujuan penutupan tersebut adalah untuk memberi laluan bagi melaksanakan kerja-kerja merobohkan struktur (UNN Legacy Structure).

Di kesempatan ini, JKR, Kementerian Pembangunan, juga ingin mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya akan dapat memperlahankan kenderaan serta berhati-hati dan sentiasa mematuhi papan-papan tanda keselamatan lalu lintas yang telah dipasang di kawasan berkenaan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 atau media sosial Facebook, *JKR, Brunei Darussalam* dan e-mel JKR di *pro@pwd.gov.bn*.

# BERWASPADA SEPANJANG CUTI PERSEKOLAHAN





**SEMASA musim percutian ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dalam menjaga keselamatan sepanjang ketiadaan di rumah bagi memastikan percutian dapat dinikmati dengan sempurna (atas dan kanan).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Disember. - Sempena musim percutian ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dalam menjaga keselamatan bagi memastikan percutian bersama orang tersayang dapat dinikmati dengan sempurna.

Orang ramai yang ingin pergi bercuti adalah diingatkan supaya berwaspada dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian sepanjang ketiadaan di rumah.

Antara langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan terutama sekali semasa hendak meninggalkan rumah, ialah dengan memaklumkan kepada jiran tetangga yang berdekatan tentang tarikh pemergian bagi tujuan pemantauan semasa rumah tersebut ditinggalkan.

Jika perlu, penghulu dan ketua kampung, di kampung berkenaan hendaklah dimaklumkan bagi pemantauan dan mengelakkan kejadian pecah rumah berlaku di rumah yang tidak berpenghuni.

Adalah lebih baik untuk memasang kamera CCTV yang dapat merakam segala pergerakan dan kejadian yang berlaku di seluruh luar kawasan rumah.

Pagar, pintu dan jendela rumah hendaklah sentiasa dipastikan tertutup dan berkunci dengan kunci yang kukuh.

Jangan membiarkan barang-barang berharga ditinggalkan di luar kawasan rumah yang boleh menjadi daya tarikan kepada penjenayah.

Segala wang, barang-barang kemas dan barang-barang bernilai hendaklah disimpan di tempat-tempat yang difikirkan selamat dan tidak mudah diketahui.

Lampu di kawasan luar rumah seboleh-bolehnya hendaklah dinyalakan pada waktu malam terutama sekali di tempat-tempat mudah menjadi sasaran mereka yang tidak bertanggungjawab.

Jika terdapat apa-apa juga perkara yang mencurigakan, orang ramai diseru untuk memaklumkan dengan segera kepada pihak Polis atau pihak-pihak berkenaan seperti penghulu atau ketua kampung di mana tindakan seterusnya dapat ditangani oleh pihak berkenaan.

Selain itu, orang ramai juga diingatkan untuk sentiasa berhati-hati dalam mengamalkan penjagaan kebersihan diri, serta amalan kebersihan dan keselamatan makanan perlu diutamakan semasa menyediakan juadah bagi mengelakkan keracunan makanan, termasuk semasa berkelah dan berkumpul bersama sanak saudara.

Bagi yang menghabiskan masa percutian dalam negara, mereka disarankan menggunakan masa yang terluang untuk memastikan persekitaran rumah bersih, bagi mengelakkan pembiakan nyamuk yang boleh menyebabkan penyakit seperti denggi dan lain-lain penyakit bawaan vektor, terutama semasa negara ini sedang melalui musim hujan.

Semasa melakukan aktiviti riadah ke tempat-tempat rekreasi, orang ramai juga dinasihatkan untuk turut sama-sama menjaga kebersihan alam sekitar.

Jika bercuti ke luar negara, pastikan makanan dan minuman yang diambil adalah bersih dan selamat.

Elakkan makanan dan minuman yang berisiko tinggi seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang mentah dan terdedah (dikupas), daging dan makanan laut mentah, produk tenusu yang tidak di *pasteurised*, makanan yang dijual oleh penjaja di tepi jalan, makanan dan minuman yang menggunakan kiub ais, dan jus yang dicampurkan dengan air yang tidak dimasak.

Jika mengambil ubat yang ditetapkan, pastikan membawa preskripsi ubat dan surat doktor serta simpan ubat yang diperlukan dalam beg tangan.

Sebagai tambahan, perlu diingatkan untuk mendapatkan dan membeli insurans perubatan atau insurans pelancongan yang bersesuaian daripada pihak-pihak pembekal insurans tempatan yang diiktiraf sebelum melancong keluar negara bagi tujuan perlindungan semasa berada di luar negara.

# CCRP : Peluang peniaga tempatan jana pendapatan

**Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**



**AWANG Mohammad Afiq bin Osman semasa ditemu bual (atas). Sementara gambar atas kanan, sekitar suasana Cuti-cuti Rimba Point diadakan di tempat letak kereta Rimba Point.**

**RIMBA**, Isnin, 25 Disember. - Musim cuti persekolahan semakin tiba ke penghujungnya dan hanya tinggal kurang daripada seminggu sahaja lagi.

Pelbagai acara dan aktiviti bagi memeriahkan suasana percutian diadakan seperti bazar jualan yang menjual pelbagai barangan terutama sekali peralatan persediaan kembali ke sekolah.

Sehubungan dengan itu, Pelita Brunei berkesempatan untuk meninjau ke Cuti-cuti Rimba Point (CCRP) yang diadakan sejak 1 Disember lalu dan akan berakhir pada 31 Disember 2023 ini.

CCRP juga diadakan sempena Festival Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF) dan disertai oleh lebih 20 vendor seperti The Pancit, Baga Gigit, Munch Plate, Adi Kebab, Siam Kitchen, Kayla Cakehouse, Station Ayam Gunting dan banyak lagi.

Acara diadakan di tempat letak kereta Rimba Point dan dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pelita Brunei berpeluang untuk menemu bual pengunjung yang datang ke CCRP berkenaan, iaitu Awang Mohammad Afiq bin Osman.

Menurutnya, acara jualan seumpamanya adalah sangat bagus diadakan untuk menjana ekonomi tempatan selain berpeluang berbelanja di negara sendiri.

Sementara itu, Awang Muhd. Nur Ariff Azizul @ Hakim bin Mohd. Faisal pula berpendapat, jualan yang disertai oleh para usahawan tempatan berkenaan dapat menjana pendapatan bagi mereka yang memilih untuk bekerja pada musim cuti persekolahan bagi mengisi masa lapang.

Antara tujuan CCRP diadakan adalah bagi memberi peluang kepada peniaga kecil-kecilan khasnya peniaga tempatan agar dapat mengembangkan dan mempromosikan produk perniagaan mereka kepada orang ramai.





**AWANG Muhd. Nur Ariff Azizul @ Hakim bin Mohd. Faisal semasa bersama kawan-kawannya.**

# SKIM BIMBINGAN MANTAPKAN LAGI ILMU ISLAM

Oleh : Nur Izzah Razali
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah





**PROGRAM skim ini adalah dibukakan kepada seluruh mualaf di Negara Brunei Darussalam dan selesai mengikuti Bimbingan Pengenalan Islam (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Disember. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) mempunyai matlamat untuk menyebar luas dan memantapkan ajaran serta penghayatan beragama kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Ini juga tidak terkecuali dalam kalangan saudara-saudara baharu bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan mereka tentang agama Islam serta isinya amnya.

Antara inisiatif yang dijalankan oleh PDI adalah termasuk menganjurkan Program Skim Bimbingan Asas Muallaf.

Pendaftaran bagi Program Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-199 bagi lelaki akan dibukakan mulai 16 Januari 2024 hingga 31 Januari 2024. Manakala untuk Program Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-200 bagi perempuan akan bermula 12 Februari 2024 hingga 29 Februari 2024.

Program skim ini adalah dibukakan kepada seluruh mualaf di Negara Brunei Darussalam dan selesai mengikuti Bimbingan Pengenalan Islam.

Dengan adanya program ini dapat membantu saudara baharu dalam mengenal pasti perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah, amal ibadat dan cara hidup Islam.

Selain itu, ia dapat memberi kebajikan saudara baharu dan juga ahli keluarganya akan terus dipertahankan, di samping mengekalkan keharmonian.




# Bijaksana, peka terhadap teknologi maklumat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**MUARA**, Isnin, 25 Disember. - Aplikasi-aplikasi media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter, Telegram, Instagram dan sebagainya seakan-akan menjadi keperluan semasa.

Aplikasi-aplikasi media sosial seumpama ini, tidak dinafikan mempunyai banyak kebaikan yang tersendiri. Antaranya, dapat membantu mengeratkan hubungan silaturahim dengan mempermudahkan perhubungan sesama keluarga serta sahabat handai. Selain itu, ia juga merupakan platform terpantas bagi penyebaran dan perkongsian berita, maklumat ataupun ilmu.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa menyebarkan sesuatu ilmu yang berguna kepada orang lain merupakan satu ibadah yang mendatangkan pahala, lebih-lebih lagi jika yang disebarkan itu adalah hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan sumber tasyrie' Islam yang kedua selepas Al-Quran.

Walau bagaimanapun, dalam kealpaan serta *keiskian* budaya *copy & paste* sebilangan orang mudah terlupa akan satu hakikat yang sangat penting iaitu tidak semua berita, maklumat ataupun ilmu yang tular atau tersebar dalam media sosial itu adalah sahih dan tepat.

Bahkan adakalanya ia hanya khabar palsu semata-mata atau maklumat yang salah ataupun berita yang tidak betul.

Pada zaman yang begitu canggih orang ramai perlu peka dengan teknologi maklumat melalui internet juga mempunyai keburukan dan kesan teknologi yang boleh mempengaruhi fikiran iaitu boleh merosakkan moral dan akhlak, menjejaskan keselamatan awam dan negara dan lebih buruk lagi, menggugat akidah umat Islam.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengambil peranan untuk memaklumkan dan mengingatkan kepada orang ramai untuk tidak mempercayai berita-berita atau fakta-fakta yang diragui yang disebarkan melalui akaun-akaun media sosial yang berasal dari dalam dan luar negeri seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan Instagram yang menyalahgunakan identiti atau nama-nama pembesar-pembesar, orang-orang kenamaan dan sebagainya.

Menyebarkan maklumat palsu kepada orang awam merupakan satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam mengikut Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) yang boleh membawa hukuman penjara sehingga sesuatu tempoh tiga tahun atau denda BND3,000 jika sabit kesalahan.

Media sosial terutama sekali aplikasi WhatsApp kini sudah menjadi senjata tajam bagi pihak tertentu untuk menyebarkan maklumat palsu yang berunsur fitnah.

Negara kita juga turut sama berdepan dengan penyebaran maklumat yang tidak terkawal di alam maya amat merisaukan apabila maklumat palsu tersebut diterima bulat-bulat tanpa merujuk pada sumber yang sahih sehingga menjadi tular.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Dayang Hernawati binti Haji Mohd. Jali dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei berikutan penyebaran maklumat palsu yang kerap berlaku amat membimbangkan sekali.

Menurutnya, maklumat yang tidak sahih jika dibiarkan boleh menyebabkan orang ramai panik dan menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap prosedur keselamatan di negara ini tambahnya lagi.

''Ibu bapa atau penjaga perlu sentiasa berusaha mendekati atau memantau anak-anak dengan memberikan kesedaran terhadap implikasi negatif terhadap penyalahgunaan internet (teknologi),'' tegas beliau.



**PADA zaman yang begitu canggih orang ramai perlu peka dengan teknologi maklumat melalui internet.**

# RANCANG KEWANGAN DENGAN BIJAK, ELAK DIBELENGGU HUTANG

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 25 Disember. - Sebagai seorang Muslim, kita dianjurkan untuk hidup berpada-pada dan bersederhana dalam memenuhi keperluan hidup seharian, mengelakkan diri daripada amalan suka berhutang serta mengamalkan sikap berhemat dalam berbelanja.

Janganlah menurut kata hati dan hawa nafsu kerana berhutang berkenaan memanglah mudah dan senang, akan tetapi membayarnya pula adalah amat berat dan sangat susah.

Selain itu, agama Islam juga turut mengajar umatnya bagaimana cara mengurus pendapatan dan perbelanjaan dengan betul, iaitu dengan bersederhana.

Oleh itu, jika seseorang menghayati dan mengikuti ajaran agama dalam soal berbelanja dan cara mengurus pendapatan, sudah pasti kita tidak akan terjebak dalam belenggu bebanan hutang yang banyak.

Meskipun agama Islam tidak melarang umatnya berhutang akan tetapi ia bukanlah suatu perkara yang digalakkan. Namun, umat Islam dinasihatkan agar menjauhkan diri daripada berhutang kecuali dalam keadaan yang mendesak dan sangat memerlukan.

Jika seseorang itu terpaksa juga berhutang, maka mereka hendaklah berniat dan berjanji untuk membayar kembali hutang berkenaan dan bukan sewenang-wenangnya berhutang tetapi selalu bertangguh-tangguh dan adakalanya langsung tidak mahu membayar kembali hutang sehingga menyebabkan perkelahian dan permusuhan.

Adalah menjadi kewajipan bagi orang yang berhutang untuk membayar hutangnya berkenaan sebagaimana perjanjian yang dipersetujui antara orang yang memberi hutang dan orang yang berhutang, termasuklah juga bagi pembayaran bil-bil yang tertunggak seperti bil air, bil elektrik, bayaran perumahan dan seumpamanya.

Tidak dinafikan terdapat juga sebahagian orang yang berhutang tidak dapat membayar hutangnya disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi tetapi mereka hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada.

Perbuatan memandang ringan kewajipan membayar hutang bukan sahaja akan menyusahkan si penghutang berkenaan di dunia, bahkan akan mengheretnya kepada kerugian dan kesusahan di akhirat kelak apabila dia meninggal dunia sebelum sempat melunaskan hutang-hutangnya dan ahli-ahli warisnya pula tidak mahu bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang-hutang berkenaan.

Orang yang meninggal dunia dalam keadaan masih belum melunaskan hutangnya, segala amal kebaikan dan kebajikannya akan diambil dan digunakan untuk melunaskan hutang-hutangnya pada hari kiamat kelak.

Sekiranya belum juga mencukupi, maka segala dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh orang yang memberi hutang berkenaan pula dipindahkan kepada orang yang berhutang berkenaan.

Antara cara yang boleh diikuti agar tidak terhimpit dengan bebanan



TIDAK dinafikan terdapat juga sebahagian orang yang berhutang tidak dapat membayar hutangnya disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi tetapi mereka hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada.

hutang yang banyak, iaitu hanya berhutang sekiranya terpaksa bagi keperluan yang penting dan tidak dapat dielakkan; serta mengelakkan daripada menambah hutang sebelum terlunas hutang-hutang yang terdahulu.

Di samping itu, sekiranya tempoh pembayaran tiba dan seseorang itu belum mampu juga untuk melunaskan hutang berkenaan, maka hendaklah berbincang dengan elok untuk meminta penangguhan dan memberi maklumat dan maklum balas kepada pemiutang dari semasa ke semasa, tidak mengelak apabila dihubungi, tidak melarikan diri dan sentiasa berlaku baik kepada pemiutang.

Selain itu, rancang perbelanjaan dengan lebih teliti dan mendahulukan keperluan-keperluan utama serta mengamalkan gaya hidup sederhana dan berbelanja dengan berhemat, di samping menjaga hubungan baik dengan pemiutang dan dalam masa yang sama pemiutang juga hendaklah berperasaan timbang rasa kepada orang yang berhutang yang benar-benar dalam kesulitan untuk melunaskan hutangnya.

## HALUAN

# Semangat, tekad sukarelawan perlu diteruskan

>> Muka 2

Walaupun berbagai-bagai projek dan aktiviti kesukarelawanan serta pemberian bantuan telah berjaya dilaksanakan, kita masih lagi mendengar berita-berita yang tular melalui media sosial daripada sebilangan kecil masyarakat kita yang menghadapi kesukaran dan kesusahan. Peramba / saya melihat perkara ini sebagai peluang untuk badan atau kumpulan sukarelawan untuk bekerjasama dan berganding bahu dalam sama-sama memberikan bantuan yang diperlukan secara terarah dan tersusun. Salah satu mekanisme yang difikirkan dapat menangani isu ini ialah perkongsian data yang telus dan tepat pada masa. Ke arah ini, peramba / saya sangat mengalu-alukan sebarang cadangan atau pandangan untuk meningkatkan lagi keupayaan atau penggunaan Sistem Kebajikan Negara di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan agar kemaslahatan golongan sasaran yang memerlukan bantuan dapat ditangani secara holistik dan bersatu padu.

Para pemimpin sukarelawan perlu berkebolehan untuk menarik masyarakat dalam bidang kerja sukarela, mengekalkan dan mengukuhkan minat tersebut serta membangunkan program sukarelawan supaya lebih tersusun dan menyeluruh. Alhamdulillah, peramba / saya percaya bahawa sebahagian Ahli-ahli Sukarelawan Yayasan adalah terdiri daripada anggota masyarakat yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam berbagai bidang dan sudah lama berkecimpung dan melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan. Dalam hal ini, peramba / saya berharap Bahagian Data dan Sukarelawan dan Bahagian Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial akan dapat mempertingkatkan program latihan untuk ahli-ahli sukarelawan dalam pembangunan keupayaan (*capacity building*) kesukarelawanan bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus dan membangunkan program kemasyarakatan.

Akhir kata, peramba / saya sekali lagi merakamkan setinggi tahniah kepada rakan-rakan strategik Yayasan yang berterusan bekerjasama dalam melaksanakan projek-projek yang berkebajikan. Kepada sukarelawan-sukarelawan Yayasan yang tidak kendur-kendur memberikan khidmat tenaga, masa dan kewangan hanya semata-mata untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang insan yang mulia, berbakti kepada masyarakat dan negara: teruskan usaha murni *abiskita*. Peramba / saya mendoakan supaya abiskita akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala jua, *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



PELITA BRUNEI

# CEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Muhammad Syafiq Syukri Awang Arifin**






**SYARIKAT Paning Free merupakan syarikat yang menceburi dalam industri kesihatan dan kesejahteraan dengan menawarkan perkhidmatan bekam, urutan dan penjajaran tulang (Bone Alignment) (kiri), manakala gambar atas, antara penglibatan Syarikat Paning Free.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Disember. – Syarikat Paning Free merupakan syarikat yang menceburi dalam industri kesihatan dan kesejahteraan dengan menawarkan perkhidmatan bekam, urutan dan penjajaran tulang (Bone Alignment).

Selain itu, syarikat yang diusahakan oleh anak muda tempatan berkenaan, Muhammad Syafiq Syukri bin Awang Arifin juga menawarkan Kursus Latihan Berbekam dan Urutan bagi mereka yang ingin menjadi ahli terapi.

Sebelum memulakan perniagaan sendiri, pemuda berusia 26 tahun berkenaan ketika ditemu bual menyatakan sebelum menceburi bidang berkenaan, beliau menghadapi cabaran dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan tetap baik di sektor kerajaan mahupun sektor swasta walaupun mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

Menurutnya, dia memutuskan untuk membuat perubahan dalam laluan kerjayanya untuk menjadi seorang usahawan selepas menghadiri kursus LiveWIRE Brunei pada akhir 2019.

Muhammad Syafiq Syukri seterusnya menjelaskan setelah mengikuti kursus-kursus seperti Bright Ideas, Become a Successful Owner Manager (BSOM), Business Plan Series dan Leadership Camp daripada LiveWIRE Brunei, ia benar-benar membuka mindanya menceburi bidang keusahawanan untuk menjadikan sumber pendapatan dan mata pencarian rezeki.

"Oleh itu, saya telah mengaplikasikan ilmu yang saya pelajari daripada LiveWIRE Brunei.

"Pada 3 Mac 2020, saya telah mendaftarkan perniagaan saya dengan rasminya dan kini saya menjalankan Syarikat Paning Free secara sepenuh masa dan kini sudah beroperasi melebihi tiga tahun.

"Pada mulanya, saya tidak pernah terfikir untuk menjadi ahli terapi bahkan tidak sedikit pun berminat," katanya lagi.

Walau bagaimanapun tambahnya, dia mempunyai minat mengamalkan berbekam kerana ia adalah sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan beliau sentiasa suka membantu orang lain secara umum.

Oleh kerana minat berkenaan, beliau memutuskan untuk menceburkan diri dalam memenuhi keperluan kesihatan dan kesejahteraan orang lain melalui bekam dan urutan.

Dengan perkembangan arus zaman sekarang, setentunya beliau memanfaatkan kelebihan media sosial sebagai platform untuk mempromosikan perniagaannya antaranya melalui Facebook *PaningFree,* Instagram *mrpaningfree / paningfree,* TikTok *paningfree* dan juga YouTube *Paning Free* selain menawarkan diskaun istimewa seperti menerusi aplikasi Progresif CARE di bawah Progresif Perks.

Selain itu, syarikatnya juga turut bekerjasama dan berkolaborasi dengan pelbagai usahawan dan perniagaan tempatan yang lain seperti PaisCHaji, BarberStreet82, Sport Arena Technology dan banyak lagi serta menyiarkan promosi melalui status WhatsApp dari semasa ke semasa.

Tidak dinafikan juga, promosi mulut ke mulut merupakan strategi pemasaran yang sangat berkesan terutama di negara ini.

Apa yang unik dan berbeza tentang Syarikat Paning Free ialah Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika berurusan dan mengendalikan pelanggan kami.

"Dengan memastikan kualiti perkhidmatan dan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti tinggi sambil mengekalkan serta menyediakan penyelesaian kesihatan dan kesejahteraan yang selamat dan berkesan dengan tahap profesional serta klinikal yang diaplikasikan.

"Kami juga menyediakan perkhidmatan jumpa terus (*walk-in*) dan rumah ke rumah di kesemua empat daerah.

"Kami juga boleh menyesuaikan pakej kami (Customize Package) berdasarkan kepada keperluan khusus untuk pelanggan sewaktu sesi dijalankan," tambahnya lagi.

Kejayaan dalam bidang berkenaan sudah tentu adalah mendapat sokongan dan dorongan daripada pelbagai sudut terutama sekali sokongan daripada keluarganya secara berterusan yang membolehkan dirinya maju sebagai individu dan mampu mencapai di tempat dirinya berada sekarang.

"Alhamdulillah, selepas lebih daripada tiga tahun dalam industri ini, permintaan dan sambutan orang ramai sangat menggalakkan," ujarnya yang kini membuat perkhidmatan di rumahnya di Perpindahan Kampung Lambak Kiri.

Adapun pencapaian Syarikat Paning Free antaranya ialah memenangi tempat pertama bagi program YDC Lights On V di bawah Pusat Pembangunan Belia (PPB) pada 30 Mei 2023; dijemput sebagai penceramah untuk Career Discovery oleh Mavensdotlive di JobCentre Brunei pada 29 Mei 2023 di samping menyertai ASEAN Mentorship of Entrepreneurs Network Brunei (AMEN) pada 13 Jun 2023.

Selain menyertai Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Paning Free Company juga turut diberi peluang menyertai China-ASEAN Young Entrepreneurs Economic and Trade Cooperation Fair sebagai perwakilan di bawah Young Entrepreneurs Association of Brunei (YEAB) dari 20 hingga 23 September 2023.

Muhammad Syafiq Syukri berharap dapat meningkatkan minat dan membangunkan lebih ramai belia untuk menceburi industri berkenaan dan meyakinkan mereka untuk mempertimbangkan bahawa industri berkenaan boleh dijadikan sebagai salah satu sumber pendapatan kekal mahupun tambahan.

"Dalam jangka masa panjang, kami juga berharap dapat mengembangkan Syarikat Paning Free ke persada antarabangsa," ujarnya mengakhiri temu bual.

# Amalan makan secara sedar untuk kesihatan badan

**Oleh : Aimi Sani**
**Infografik : Kementerian Kesihatan**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Disember. - Amalan makan secara sedar atau *mindful eating* boleh mewujudkan hubungan yang sihat dengan makanan seterusnya memupuk tabiat pemakanan yang lebih baik.

Menurut Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, dengan memberi perhatian kepada apa yang dimakan dan menyedari setiap nikmat pengalaman makan, awda akan menjadi lebih peka tentang pilihan makanan awda dan ini boleh membantu daripada makan secara berlebihan.

Antara faedah kesihatan dalam mengamalkan makan secara sedar ialah ia mampu melancarkan sistem penghadaman selain membantu mengawal berat badan dan mengawal rasa kenyang dan lapar.

Manakala bagi kesejahteraan emosi pula ia dapat mengurangkan tekanan dan rasa bimbang di samping meningkatkan rasa nikmat pada makanan.

Beberapa aspek penting makan secara sedar ialah dengan menikmati setiap suapan iaitu makan secara perlahan serta libatkan deria awda dan beri perhatian kepada warna, tekstur dan rasa makanan.

Selain itu juga, turut disarankan untuk makan mengikut saiz hidangan dan buat pilihan sihat dan seimbang serta turut memberi perhatian kepada isyarat lapar dan kenyang. Elakkan makan ketika bosan atau berasa stres.

Antara aspek yang juga harus diambil perhatian ialah kekal hidrasi, minum air kosong secukupnya sepanjang hari kerana kadang-kadang rasa dahaga mudah disalah anggap sebagai rasa lapar.

Pemakanan secara sedar adalah satu pendekatan ke arah tabiat makan secara sihat, yang menumpukan pada cara pemakanan awda. Malahan pemakanan secara sedar boleh menjadi kaedah menurunkan berat badan tanpa melalui program atau diet yang rumit.

Pada zaman serba pantas ini, pengamalan pemakanan secara sedar mungkin mencabar bagi awda dan keluarga awda. Walau bagaimanapun, awda boleh memulakannya dengan memberi komitmen untuk lebih menghormati, menghargai dan menikmati makanan awda.



# PERSIAPAN BUKA SEKOLAH GIAT DILAKSANAKAN



**ANTARA buku yang sering dicari dan dibeli di kedai-kedai buku ialah buku-buku teks, buku kerja, buku tulis garis satu, garis tiga, garis empat dan banyak lagi.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Disember. - Cuti penggal ketiga persekolahan di negara ini akan berakhir dalam beberapa hari sahaja lagi.

Sudah setentunya ibu bapa dan penjaga mula sibuk memikirkan barang-barang dan alat-alat keperluan persekolahan, untuk anak-anak mereka belajar menjelang tahun hadapan.

Ibu bapa dan penjaga bersama anak-anak mereka mula berpusu-pusu mengunjungi kedai-kedai buku sekolah, untuk membeli keperluan seperti alat-alat tulis, buku latihan dan sebagainya yang digunakan sepanjang persekolahan anak-anak mereka bagi tahun 2024.

Kesibukan itu bukan sahaja dilalui oleh ibu bapa dan penjaga para pelajar, tetapi turut dirasai sama oleh kedai-kedai buku di negara ini. Setiap kedai buku sudah menyediakan buku-buku pelajaran dan alat-alat tulis untuk pelanggan-pelanggan mereka sedari awal bulan Disember lagi.

Dalam tinjauan Pelita Brunei di beberapa buah kedai penjual buku rata-rata mengambil pekerja tempatan sementara sebagai jurujual bagi membantu pihak kedai berkenaan.

Mereka ini terdiri daripada para pelajar yang masih menunggu keputusan peperiksaan mereka. Mereka juga akan membantu dalam memudahkan pencarian buku-buku kepada para pelanggan yang mengunjungi ke kedai mereka.

Sesetengah kedai buku juga menyediakan senarai nama-nama buku bagi sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta, dalam memudahkan para pelanggannya mencari buku-buku yang diperlukan anak-anak mereka.

Antara buku yang sering dicari dan dibeli ialah buku-buku teks, buku kerja, buku tulis garis satu, garis tiga, garis empat dan banyak lagi.

Kebanyakan buku-buku teks dan buku kerja ini juga disalurkan dan dibekalkan oleh pihak kerajaan untuk dijual di kedai-kedai buku.

Dalam hal ini, adalah juga diingatkan kepada para pelanggan yang berkunjung di kedai buku untuk sama-sama menanamkan sifat sabar dan bertolak ansur dalam mencari buku-buku apatah lagi kedai-kedai buku sudah dipenuhi oleh pengunjung-pengunjungnya.








# MINDA PEMBACA

## Amalkan berbelanja secara berhemah

**BERBELANJA** secara berhemah memainkan peranan amat penting dalam mengekalkan keseimbangan kewangan dan meningkatkan kualiti hidup.

Ia bukan hanya sekadar membatasi perbelanjaan tanpa sebab tetapi melibatkan pemikiran yang matang dan bijak dalam pengurusan kewangan. Ini termasuk menetapkan keutamaan perbelanjaan, merancang bajet yang munasabah dan membuat pilihan yang bijak untuk jangka masa panjang.

Pada setiap hujung tahun, warga Perkhidmatan Awam di negara ini akan menerima bonus sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan khidmat bakti mereka kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang tahun.

Oleh itu, adalah penting untuk memahami perbezaan antara keperluan dan kehendak kerana ia bermula dengan menilai apa yang sebenarnya diperlukan berbanding dengan perkara yang diinginkan.

Ini dapat membantu mengelakkan pembaziran dan memastikan setiap perbelanjaan dapat dikawal dengan sebaik mungkin.

Dalam konteks bonus, individu boleh memulakan dengan menyemak semula keadaan kewangan mereka. Ini sangat penting untuk menyimpan sebahagian bonus yang diterima sebagai simpanan kecemasan atau pelaburan untuk masa depan.

Selain itu, ia dapat memberi jaminan kewangan kita ketika keadaan tidak terduga dan membantu melindungi kestabilan kewangan peribadi.

Amalan berbelanja secara berhemah turut merangkumi memilih produk yang berkualiti dan tahan lama. Walaupun kos mungkin menjadi faktor pertimbangan, memilih produk yang mempunyai jangka hayat yang panjang dapat membantu mengurangkan keperluan untuk menggantikannya dengan kerap.

Ini bukan sahaja menjimatkan kos dalam jangka panjang tetapi juga memberi impak positif terhadap alam sekitar dengan mengurangkan pembaziran.

Kesimpulannya, amalan berbelanja secara berhemah adalah satu pendekatan holistik yang melibatkan pemikiran bijak sebelum membuat keputusan perbelanjaan.

Dengan kesedaran akan kesan jangka panjang, individu dapat membentuk budaya berbelanja yang lebih bertanggungjawab dan mampan untuk kesejahteraan diri dan masyarakat secara keseluruhannya.

**Nama : Siti Aishah Mu'izzah binti Awang Mahani**
**Nombor K/P : 01-062XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'.** Tarikh Tutup : **27 Disember 2023**
2. **'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'.** Tarikh Tutup : **3 Januari 2024**
3. **'Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan'.** Tarikh Tutup : **10 Januari 2024**

Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

**3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :**
**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

# Kanak-Kanak Menyentuh Dan Membawa Al-Qur'an




**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

PARA ulama bersepakat pada mengatakan bahawa al-Qur'an itu wajib diagungkan dan dipelihara daripada perkara-perkara yang mendatangkan kehinaan ke atasnya. Salah satu cara untuk mengagungkan dan memelihara kemuliaan al-Qur'an ialah tidak menyentuh atau membawa al-Qur'an dalam keadaan berhadats.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin, orang yang berhadats adalah haram ke atasnya menyentuh dan membawa al-Qur'an. Pengharaman menyentuh al-Qur'an dalam keadaan berhadats itu berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Tafsirnya:** *Sesungguhnya (apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam) itu ialah al-Qur'an yang mulia. Di dalam kitab yang tersimpan dengan baik (Lauh Mahfuzh). Yang tidak disentuh melainkan oleh hamba-hamba yang telah bersuci.*

(Surah al-Waqi'ah: 77-79)

Diriwayatkan daripada 'Amr bin Hazm *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah menulis surat kepada penduduk Yaman, antara isi kandungan surat itu Baginda menulis:

**Maksudnya:** *Hendaklah seseorang itu tidak menyentuh al-Qur'an melainkan dia dalam keadaan suci (daripada hadats).*

(Hadits riwayat ad-Darimi)

Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, membawa al-Qur'an dalam keadaan berhadats itu juga dilarang berdasarkan *qiyas* kepada larangan menyentuh al-Qur'an dalam keadaan berhadats kerana perbuatan membawa al-Qur'an dalam keadaan berhadats itu lebih buruk berbanding perbuatan menyentuh al-Qur'an dalam keadaan berhadats.

Berkaitan dengan hukum menyentuh dan membawa al-Qur'an ini, timbul persoalan tentang kedudukan kanak-kanak yang menyentuh atau membawa al-Qur'an dan apakah kewajipan ibu bapa atau guru yang mengajar al-Qur'an apabila melihat kanak-kanak atau anak murid membawa atau menyentuh al-Qur'an? Oleh yang demikian, Irsyad Hukum kali ini akan menerangkan mengenainya.

Kanak-kanak itu terbahagi kepada dua iaitu *mumayyiz* dan belum *mumayyiz*. Apabila mereka menyentuh atau membawa al-Qur'an, maka kewajipan ibu bapa mengenainya adalah tertakluk kepada keadaan kanak-kanak tersebut.

**1. Kanak-Kanak Yang Belum Mumayyiz.**

Jika kanak-kanak yang menyentuh atau membawa al-Qur'an itu belum mumayyiz, maka haram ke atas wali dan gurunya membiarkan kanak-kanak tersebut menyentuh atau membawa al-Qur'an dan wajib dilarang kanak-kanak tersebut daripada menyentuhnya supaya dia tidak mencemarinya dengan najis atau kotoran.

Menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, larangan tersebut adalah jika wali atau gurunya membiarkan kanak-kanak tersebut menyentuh al-Qur'an tanpa pengawasan. Jika terdapat bersama kanak-kanak tersebut sesiapa yang boleh melarangnya daripada mencemari al-Qur'an dengan najis atau kotoran, seperti walinya atau gurunya yang mengawasinya ketika belajar al-Qur'an, maka tidak haram ke atas walinya atau gurunya membiarkannya menyentuh al-Qur'an kerana wali atau gurunya dapat melarang kanak-kanak tersebut daripada melakukan perbuatan yang mencemarkan dan menghina al-Qur'an.

Imam asy-Syarwani Rahimahullah dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj ada menukil perkataan Imam al-Kurdi Rahimahullah sebagaimana yang disebut dalam kitab al-I'ab, katanya:

Ertinya: Ya, (pendapat yang) dicenderungi ialah boleh membiarkan kanak-kanak yang belum mumayyiz (menyentuh atau membawa al-Qur'an) bagi keperluan mempelajarinya jika dengan kehadiran umpama wali (kanak-kanak itu) kerana terselamat daripada dia (kanak-kanak) mencemarinya (al-Qur'an dengan najis atau kotoran) pada ketika itu.

**2.Kanak-Kanak Yang Mumayyiz.**

Jika kanak-kanak yang menyentuh atau membawa al-Qur'an itu sudah mumayyiz sama ada dia berhadats kecil atau besar, maka walinya atau gurunya yang mengajar al-Qur'an kepadanya tidak wajib melarang kanak-kanak tersebut daripada menyentuh atau membawa al-Qur'an jika menyentuh atau membawa itu bagi keperluan pembelajarannya seperti ketika kanak-kanak itu belajar al-Qur'an bersama walinya atau gurunya.

Begitu juga tidak wajib melarang kanak-kanak tersebut daripada menyentuh atau membawa al-Qur'an jika menyentuh atau membawa itu bagi tujuan-tujuan yang berkaitan dengan pembelajarannya seperti ketika kanak-kanak tersebut membawa al-Qur'an daripada sekolahnya menuju ke rumahnya bagi tujuan pembelajaran al-Qur'an atau daripada rumahnya menuju ke sekolahnya atau membawanya kepada gurunya, kerana kanak-kanak pada tahap mumayyiz adalah susah baginya untuk tetap berada dalam keadaan suci daripada hadats memandangkan tempoh pembelajaran al-Qur'an pada kebiasaannya memakan masa yang lama.

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya at-Tibyan Fi Adab Hamalah al-Qur'an, wali atau guru tidak diwajibkan menyuruh kanak-kanak yang mumayyiz bersuci daripada hadats bagi tujuan membawa al-Qur'an kerana ia akan membebankan mereka. Manakala menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah pula dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, perbuatan menyuruh kanak-kanak untuk sentiasa berada dalam keadaan suci merupakan suatu beban bagi diri kanak-kanak itu yang boleh menyebabkan hilang motivasi kanak-kanak untuk belajar al-Qur'an.

Walau bagaimanapun menurut para ulama antaranya Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah sepertimana yang dinukil oleh Imam asy-Syarwani Rahimahullah dalam Hasyiyahnya, melarang kanak-kanak mumayyiz yang berhadats daripada menyentuh atau membawa al-Qur'an bagi tujuan belajar hukumnya adalah sunat ke atas wali atau guru kanak-kanak tersebut.

Menurut Imam al-'Abbadi Rahimahullah dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj, terdapat maslahat pada menyuruh kanak-kanak untuk sentiasa dalam keadaan suci daripada hadats ketika menyentuh atau membawa al-Qur'an iaitu supaya dia dapat membiasakannya dan tidak meninggalkan kebiasaan itu apabila dia baligh.

Adapun jika kanak-kanak mumayyiz yang berhadats menyentuh atau membawa al-Qur'an selain bagi tujuan belajar seperti untuk bertabarruk atau membawa al-Qur'an dari satu tempat menuju ke tempat yang lain atau tanpa sebarang tujuan, maka walinya atau gurunya tetap wajib melarang kanak-kanak tersebut daripada menyentuh atau membawa al-Qur'an dalam keadaan berhadats. Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj berkata:

Ertinya: Maka jika (kanak-kanak mumayyiz membawa al-Qur'an) bagi tujuan lain (selain belajar) atau tanpa sebarang tujuan, dilarang dia (oleh wali atau gurunya) daripadanya (menyentuh atau membawa al-Qur'an dalam keadaan berhadats) secara pasti.

Demikian penjelasan mengenai kanak-kanak menyentuh dan membawa al-Qur'an.

**DIRIWAYATKAN daripada 'Amr bin Hazm Radhiallahu 'anhu, beliau berkata bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah menulis surat kepada penduduk Yaman, antara isi kandungan surat itu Baginda menulis: Maksudnya: Hendaklah seseorang itu tidak menyentuh al-Qur'an melainkan dia dalam keadaan suci (daripada hadats).**

# Muhasabah menuju Tahun Baharu




TAHUN 2023 kian hampir melabuhkan tirainya. Pelbagai peristiwa suka mahupun duka telah dilalui yang akan menjadi sejarah, kenangan dan seterusnya akan menjadi teladan.

Sebagai seorang yang beriman, sewajarnya meyakini bahawa segala yang berlaku merupakan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dimuhasabah agar kita dapat merencana sesuatu yang lebih baik untuk masa akan datang.

Sesuai dengan firman Allah dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18, mafhumnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari Akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".*

Kita juga perlu sentiasa bersedia dengan apa jua ujian dan ketentuan yang bakal berlaku. Persediaan yang dimaksudkan ialah dengan kita mempersiapkan suatu perancangan yang berasaskan ilmu pengetahuan bagi menjalani urusan kehidupan kita dengan lebih sempurna dan terurus selagi mana tindakan dan keputusan dalam membuat persediaan itu adalah selari dengan syariat Islam. Tanpa ilmu dan perancangan yang teliti, pastinya segala usaha kita akan mudah tergelincir atau tersasar dari matlamat sebenar kehidupan kita di dunia ini. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah, ayat 10, mafhumnya :

*"Maka apabila sembahyang telah disempurnakan maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah (apa yang kamu hajati) daripada limpah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kemenangan".*

Yakin dan percaya pada diri sendiri merupakan kunci kejayaan sesuatu usaha. Jangan merasa jemu dan putus asa andai gagal. Jadikan ia sebagai pendorong dan semangat dalam menuju kejayaan kerana tiada kejayaan tanpa kegagalan. Orang yang berjaya tanpa merasa gagal anggaplah ia suatu keberuntungan atau rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, sebagai insan kita perlu selalu bermuhasabah atas setiap tindakan yang dilakukan bagi mengelak berulangnya kesilapan dan kecuaian. Dalam masa yang sama, kita juga perlu meningkatkan iman dan ketakwaan kita dengan meyakini akan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala. Yakinlah setiap apa yang kita lakukan dan kerjakan, bahkan apa pun yang ada di dalam hati dan fikiran kita adalah tidak terlepas daripada ilmu Allah Subhanahu Wata'ala.

Bersamalah kita bermuhasabah agar Tahun Baharu dan kehidupan mendatang akan terhindar daripada kelalaian, kealpaan dan kegagalan dan semoga diri kita sentiasa berdiri di landasan iman dan takwa yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah dalam Surah Al-Anbiya', ayat 47, mafhumnya :

*"Dan Kami akan mengadakan timbangan yang adil pada Hari Kiamat maka tidak ada siapa yang akan dizalimi sedikit pun dan jika amal perbuatannya sama ada baik atau jahat) seberat biji sawi (sekalipun) nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang) dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.*

# PENDAFTARAN PROGRAM TADABBUR AL-QURAN DIBUKAKAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan Program Tadabbur Al-Quran Sesi Januari 2024 secara hibrid.

Sehubungan dengan itu, pihak UNISSA sukacita mengalu-alukan penyertaan para pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, serta orang ramai yang berminat untuk menyertai program berkenaan.

Bengkel berkenaan akan diadakan selama enam minggu pada setiap Ahad bermula pada 14 Januari 2024, jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi secara hibrid, iaitu secara fizikal di Kampus UNISSA Gadong atau secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom.

Modul yang ditawarkan bagi Program Tadabbur Al-Quran berkenaan iaitu, Surah Al-Fatihah; Surah Al-Ikhlas; Surah Al-Falaq; Surah An-Nas; dan Ayatul Kursi

Orang ramai yang ingin mendaftar boleh melayari *https://ddei5-0-ctp.trendmicro.com:443/wis/clicktime/v1/query?url=https%3a%2f%2fbit.ly%2fPTQC4L&umid=0C51DE90-0C4C-0106-840F-FCACB44D74A6&auth=53dd1630b4e912c4528bfd78e818ebe60e909d6b-9e3f98aa63eeef2cbaab30ccd1861ae3d6f5642c.*

Tarikh akhir pendaftaran adalah pada Jumaat, 5 Januari 2024.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara berkenaan, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian WhatsApp +673 8254374 atau e-mel *C4L@unissa.edu.bn.*







# Kenali Bahasa Brunei

**Mangalimut** bermaksud memburuk-burukkan atau mengata-ngatai orang lain di belakang.
Contoh pemakaian kata : adang luan ***mangalimut*** urang saja ani, badusa.

**Kalukur** bermaksud kelongsong pembungkus pais yang dibuat daripada daun pucuk nipah.
Contoh pemakaian kata : lagi daulu kan mamais lauk ani, mangambil tah pucuk nipah kan mambuat ***kalukur***.

**Kapupungan** bermaksud dalam keadaan bingung kerana kesuntukan masa, kecemasan, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : ***kapupungan*** ia maliat api marak di rumah subalah.

**Karit** bermaksud lokek atau kedekut.
Contoh pemakaian kata : urang yang ***karit*** ilmu ani idupnya inda arkat.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS**




Foto : Azmah Haji Ahad

# Nasi Kampung Dengan Sambal Pusu, Tahai Rebus

## Kampung Batang Tuau

**BAHAN UNTUK NASI KAMPUNG :**
1 kilo beras kampung Laila

**CARA-CARA MEMBUATNYA :**
Cuci beras hingga bersih.
Masukkan 3 cawan air ke dalam beras.
Kemudian dimasak.

**BAHAN UNTUK SAMBAL PUSU :**
300gm pusu
5 ulas bawang merah
8 bawang putih
1 biji bawang besar (di*blender* / kisar)
Lada kering yang sudah dikisar secukupnya

**CARA-CARA MEMBUATNYA :**
Goreng pusu hingga kering.
Panaskan minyak kemudian masukkan bahan yang sudah di*blender* / kisar tadi sehingga naik baunya baru masukkan lada kisar.
Sesudah bahan tadi ditumis dan cukup masak baru masak pusu yang telah digoreng tadi.

**BAHAN UNTUK TAHAI REBUS :**
300gm tahai
3 ulas bawang merah
3 ulas bawang putih
2/3 batang serai
5 keping asam kulit
Lada padi

**CARA-CARA MEMBUATNYA :**
Bawang merah, bawang putih dan serai ditumis setelah naik bau masukkan 3 cawan air.
Setelah berdidih air masukkan tahai yang telah dikupas kulitnya dan masukkan asam kulit serta lada padi.
Kemudian, masukkan garam secukup rasa.

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ
سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ مماوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Iklan Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRC22 / 2023

Nama Projek :
Pembinaan Tempat Letak Kereta Tambahan Di Masjid Kampung Birau, Tutong.

Yuran Tawaran :
BND30.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
6 Disember 2023.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Tidak lewat Selasa,
2 Januari 2024.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0052 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"To Supply, Delivery, Testing and Commissioning : Portable Diesel Powered Generator"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0053 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Supply and Installation Of Seawater Intake Pipe & Sump At Meragang Site"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Demolition Works Of Broken Pole From Existing Fish Cages At Serasa Bay"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
4 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Tajuk Sebut Harga :
Permohonan Bagi Pemeliharaan Kenderaan Kerajaan BG966 (Hyundai H1)

Bilangan Sebut Harga :
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu.
27 Disember 2023.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Sebut Harga :
"Maintenance Service Contract - Alcatel PABX System For Department Of Civil Aviation"
ATELS / 2023 / SH-22

Tarikh tutup Sebut Harga :
3 Januari 2024,
Rabu.
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

---

**JABATAN BANDARAN TUTONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 11 / 2023-2023

Tajuk Tawaran :
Desludging Works, Cleaning Pumping Station and Repalaced New Pump At Bandaran Staff House At Kampong Sengkarai Tutong.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
3 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023-2024 / 35

Tajuk Tawaran:
Provision Of Lifestyle Photography Production Services

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023-2024 / 38

Tajuk Tawaran:
Brunei Tourism Promotional Video Production Services

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
4 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 14 / 2023

Tajuk Tawaran :
Supply and Installation New Framing and Glass Window At Dewan Santap, Jalan Maulana Daerah Belait.

Yuran Tawaran :
BND5.00

Kelas :
01 dan 02

Kategori :
KA01 dan B01

Tarikh Tutup :
Selasa.
9 Januari 2024.

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2023 / Q23
Invitation to Supply
Flowave MOD Portal
License Renewal For
1 Year
(01 / 03 / 2024 - 28 / 02 / 2025)
Ministry Of Development

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2023 / Q25
Invitation to Supply
Barracuda Backup
Server License Renewal
For 1 Year,
(17 / 03 / 2024 - 16 / 03 / 2025)
Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga :
BND10.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Selasa,
26 Disember 2023.

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran :
Khamis,
4 Januari 2024.

Tarikh Tutup :
Isnin,
8 Januari 2024.
Jam: Sebelum 9.00 Pagi.

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

IKLAN LANJUTAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM21 / 2023

Nama Projek :
Menaiktaraf, Mengemaskini, Memasang Dan Membina Baharu Bagi Tiang-Tiang (Bus Poles) Dan Pondok-Pondak Perhentian Bas (Bus Shuttle) Bagi Laluan-Laluan Yang Sedia Ada Di Seluruh Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :
-

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
6 Disember 2023.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 2 Januari 20243.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran :**
**KK / 270 / 2023 / PPN**

**Keterangan :**
**Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning Twelve (12) Unit Of Dental Air Compressor For Department Of Dental Services, Ministry Of Health**

**Yuran Tawaran :**
**BND10.00**

**Bilangan Tawaran :**
**KK / 278 / 2023 / UPP**

**Keterangan :**
**To Supply, Deliver, Install, Testing and Commissioning Of Cardiology 24 Hours Monitoring Devices (Twelve (12) Units Of Holter Recorder, Twelve (12) Units Of Wrist Watch Type Ambulatory Blood Monitor (ABMP)) For Cardiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa.**
**9 Januari 2024,**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
**MFA / ICT / 2024 / T2**

**Tajuk Tawaran:**
**The Data Centre Equipment Extended Warranty & Subscription For the Period Of One (1) Year**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**

**Yuran E-Dokumen:**
**BND5.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
**Selasa,**
**2 Januari 2024.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Sebut Harga:**
**(131) INFO / PK / K / 7(2023-2024)**

**Tajuk Sebut Harga:**
**Pembekalan Dan Penghantaran Projector Ultra Short Throw or Compatible (Bundle)**

**Bilangan Sebut Harga:**
**(132) INFO / PK / K / 7(2023-2024)**

**Tajuk Sebut Harga:**
**Perkhidmatan to Supply, Deliver, Installation, Configuration, Migration, Integration, Maintenance, Testing and Commissioning of Infofoto Galeri**

**Bilangan Sebut Harga:**
**(134) INFO / PK / K / 7 (2023-2024)**

**Tajuk Sebut Harga:**
**Pembekalan Dan Penghantaran Tripod Portable White Screen Projector**

**Yuran:**
**Tidak Dikenakan Bayaran**

**Tarikh Tutup:**
**Selasa,**
**2 Januari 2024.**
**Jam 8.30 Pagi.**

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
**MFA / ICT / 2024 / T3**

**Tajuk Tawaran:**
**The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing and Commissioning Of Data Centre Storage With Support & Maintenance**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Tawaran :**
**MFA/ ICT / 2024 / T1**

**Tajuk Tawaran:**
**The Cisco Hardware Extended Warranty & Subscription Renewal With Support & Maintenance For the Period Of One (1) Year and the Upgrade Of Cisco Nexus Switch**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**

**Yuran E-Dokumen:**
**BND5.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
**Selasa,**
**2 Januari 2024.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**Yuran E-Dokumen:**
**BND5.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
**Selasa,**
**2 Januari 2024.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKSI

**Tajuk tawaran:**
**Rubber Deposit Removal to Brunei International Airport Runway**
**JPA / AME / 2023-2024 / 04**
**Class II (Work Category Civil Engineering KA / Services)**

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Tender:**
**27 Disember 2023,**
**Rabu.**

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
**II**

**Kategori:**
**KA01**

**Bilangan Tawaran:**
**JKR / DWS / 042 / 2023**

**Nama Projek:**
**Pemantauan, Pemeliharaan Dan Menambahbaik Sistem Network Untuk Zone Meter Di Bawah Kawalan Unit Kebocoran (LMU)**

**Bilangan Tawaran:**
**JKR / DWS / 044 / 2023**

**Nama Projek :**
**Pembekalan, Penghantaran Dan Pemasangan Analyzer Kualiti Air Total Organic Carbon Bagi Loji Rawatan Air Bukit Barun Dan Layong, Tutong**

**Kelas:**
**II**

**Kategori:**
**Consultant For ISO17025 Certification Sahaja**

**Bilangan Tawaran:**
**JKR / DWS / 043 / 2023**

**Nama Projek:**
**Perkhidmatan Konsultasi Dan Latihan Bagi Perlaksanaan ISO/ IEC 17025:2017 Yang Baru Bagi Makmal Air Tasek, Jabatan Perkhidmatan AI, Negara Brunei Darussalam)**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
**Tidak lewat Selasa, 2 Januari 2024.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
**Selasa,**
**16 Januari 2024.**
**Jam 2.00 Petang.**

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Tender:**
**29 Januari 2024,**
**Isnin,**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**Tarikh tutup Tender:**
**30 Januari 2024,**
**Selasa.**

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
**II & III**

**Kategori:**
**B01, KPB02**

**Bilangan Tawaran:**
**JKR / DBSBM024 / 2023**

**Nama Projek:**
**Kerja-Kerja Pembaikan Pada Balai Bomba Tumasek, JKR No.191**

**No. Projek:**
**2023DBSBM / BOM.04**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
**Selasa,**
**2 Januari 2024**

**Tarikh Tutup:**
**Selasa,**
**16 Januari 2024,**
**Jam 2.00 Petang.**

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
**MFA / SEC / 04 / 2023**

**Tajuk Tawaran:**
**The Supply, Delivery, Installation, Dismanting, Configuration, Testing, Training, Commissioning, Integration and Maintenance Of Access Door Control Of Ministry Of Foreign Affairs**

**Tarikh Tutup Penjualan Tender:**
**17 Januari 2024.**

**Site Visit:**
**22 Januari 2024.**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**
**(tidak dikembalikan)**

**Yuran e-dokumen:**
**BND5.00**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
**Selasa,**
**30 Januari 2024,**
**Jam 2.00 Petang.**

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Di Negara Brunei Darussalam**

**Kes No.**

**BCY / CP / 152 / 2023**

**Wong Piang Yow**

**(Malaysian I/C No:**

**500902- 01-5043)**

**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Ng Kinn Siong**

**(Malaysian Passport No. 631103-13-5129)**

**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 12 Ogos 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**Ng Kinn Siong**

**No.519, Kg. Beribi, Jln Gadong, Bandar Seri Begawan, BE1118, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**

**5 Julai 2023**

b. Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c. Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**

**16 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Ogos 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (L2-8)**, Mahkamah Besar pada **10 Januari 2024, jam 10.30 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **10 Januari 2024, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**

**16 November 2023**

**Kes No.**

**BCY / CP / 216 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**

**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Haziq Bin Abdul Halim (BYIC No. 01-076046)**

**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**Muhammad Haziq Bin Abdul Halim**

**Barek 772 A8, Simpang 120-48-36, Mumong By-Pass, Kuala Belait, KA1531, Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**

**24 Ogos 2023**

b. Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c. Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**

**30 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 November 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat **2, Bilik (L2-8), Mahkamah Besar pada 12 Februari 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **12 Februari 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :

**30 November 2023**

**Kamaliah Fadhilah Binti Haji Ibrahim**

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**

**B/P Penerima Rasmi**

**Mahkamah Besar**

---

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Di Negara Brunei Darussalam**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertam**

**Kes No.**

**BCY / CP / 95 / 2017**

**Nama Penghutang** - Suhardi @ Awang Ahmad Suhardy bin Haji Kifli (BYIC No. 00-264383) Alamat - Unit No.47, Spg. 142-5, Jln Sinadur, Kg. Panchor Mengkubau, Negara Brunei Darussalam, Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 95 Tahun 2017. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 19%. Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena Dibayar - 7 Disember 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**

**7 Disember 2023**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**

**BCY / CP / 181 / 2016**

**Nama Penghutang** - Mohammad Kaharudin Zamri bin Hj Yunus (BYIC No.: 00-312760). Alamat - No.15, Spg 1534, Jalan Lamunin Barat, Kg Lamunin, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 181 tahun 2016. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 87%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 7 Disember 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**

**7 Disember 2023**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**

**BCY / CP / 302 / 2020**

**Nama Penghutang** - Hajah Dayang Norjana binti haji Abdul Ghapar (BYIC No. 00-264055) - Alamat - No. 5, Spg. 459, Kg. Lambak Kiri Berakas, Negara Brunei Darussalam, Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 302 Tahun 2020. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 7 Disember 2023. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
**7 Disember 2023**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 178 / 2013**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Masnah Binti Chulan**
**BYIC No. 00-25227**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 6 November 2014 telah dibatalkan pada **9 Disember 2023 :**

**Nama Penghutang :**

**Masnah binti Chulan**
**Alamat Penghutang :**

**No. H2, Blok H, Flat SPO, Kawasan Pusat Latihan Polis, Polis Headquarters Gadong, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**19 Disember 2023.**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 195 / 2013**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Hajah Siti Uzani Binti Mohamad**
**BYIC No. 00-076493**

**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **17 November 2016 telah dibatalkan pada 9 Disember 2023 :**

**Nama Penghutang :**
**Hajah Siti Uzani Binti Mohamad**

**Alamat Penghutang :**

**No. 31, Simpang 61,**

**Kg Sengkarai, Tutong TA2341,**

**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**19 Disember 2023.**
**Muhammad Syafiq Bin Awang Hj Zakaria**

**Timbalan Pegawai**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Di Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 114 / 2013**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Muhammad Bakri Hakimin Bin Abdullah Sulong @ Bakirin Bin Sulong**
**BYIC No. 00-273867**
**RBAF No. 15180**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **12 Oktober 2013 telah dibatalkan pada 23 November 2023 :**

**Nama Penghutang :**
**Muhammad Bakri Hakimin bin Abdullah Sulong @ bakirin bin Sulong**

**Alamat Penghutang :**
**No. 9, Kg. Merangking Hiir,**
**Ulu Belait,**
**Kuala Belait,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**16 Disember 2023.**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 236 / 2013**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Suhaimi Bin Haji Suchi**
**BYIC No. 00-315707**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **10 Mei 2014 telah dibatalkan pada 25 November 2023 :**

**Nama Penghutang :**
**Mohammad Suhaimi Bin Haji Suchi**

**Alamat Penghutang :**
**No. 64, Simpang 82,**
**STKRJ Kg. Rimba, Gadong BE3119,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**11 Disember 2023**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 337 / 2009**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Omarali Bin Haji Mustafa**
**BYIC No. 00-277358**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **05 Ogos 2010 telah dibatalkan pada 30 November 2023 :**

**Nama Penghutang :**
**Omarali bin Haji Mustafa**

**Alamat Penghutang :**
**No. 96 'F', Kampong Bolkiah 'B', Jetty 5, Bandar Seri Begawan, BK1315,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**11 Disember 2023.**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 433 / 2008**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Saiful Zaman Bin Jabidin**
**BYIC No. 00-285317**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 Jun 2009 telah dibata lkan pada 16 November 20 23 :**

**Nama Penghutang :**
**Saiful Zaman bin Jabidin**

**Alamat Penghutang :**
**No. 12, A6, Rumah Teres,**
**Spg. 141-6, Jalan Telanai,**
**Kg. Beribi, BA2312,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**14 Disember 2023.**

**Hajah Normazdina Binti Haji Md. Maskub**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

---

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Di Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kebankrapan No.**
**BCY / CP / 9 / 2013**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Dayang Mahani Binti Haji Sabli**
**BYIC No. 00-278964**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **09 Mei 2013 telah dibatalkan pada 09 Disember 2023 :**

**Nama Penghutang :**
**Dayang Mahani binti Haji Sabli**

**Alamat Penghutang :**
**No. 18, Simpang 120,**
**Kg. Sungai Akar, BC4115,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**14 Disember 2023.**

**Kes No.**
**BCY / CP / 28 / 2012**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Ak Eddy Fairol bin Pg Ahman (00-264164)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 September 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Ak Eddy Fairol bin Pg Awang**
**Flat 52, RM 1,**
**Jalan Kumbang Pasang,**
**Bandar Seri Begawan,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**7 Jun 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**14 Disember 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 197 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Shafeeqah Binti Mohamad (BYIC No. 00-304669)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**Shafeeqah binti Mohamad**
**No3476, Spg. 41-30,**
**Jalan Dipa Negara,**
**Kuala Belait, KA1731,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**10 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**18 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 November 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 15 April 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 April 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**18 Disember 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 623 / 2009**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Dyg. Hjh Radiah binti Haji Md. Zin (BYIC No. 00-264542)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**

**Dyg. Hjh Radiah binti Haji Md. Zin**
**No 41, Spg 604, Kampong Masin,**
**Jalan Mulaut,**
**Limau Manis,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**22 Februari 2010**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
**12 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 September 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 20 Mac 2024, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Mac 2024, jam 9.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**12 Disember 2023**

**Nurul Hidayah binti Hamdan**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

---

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Di Negara Brunei Darussalam**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 130 / 2016**

**Nama Penghutang -** Hjh Noridah @ Nur Aidah binti Hj Awg Damit (BYIC No.: 00-051353). **Alamat** - No.3, Spg. 77-19-21, Kg. Pancha Delima, Berakas BB4513, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 130 Tahun 2016. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 5 Disember 2023. Dimana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
**4 Disember 2023**

**Mohammad Marzuqi Bin Sabtu**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

# جوالن سالينن كمبر٢ ديكيتل

# JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

**TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN**

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

**JENIS-JENIS**

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
**laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)**
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**WAKTU PERNIAGAAN**

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

# PERLUMBAAN BERJALAN KAKI SEKOLAH MELAYU SUNGAI KEBUN

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Seramai 326 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah Melayu Sungai Kebun telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh di-Jalan Lumapas—Sungai Kebun pada pagi hari Ahad 8 Desember.

Ini-lah kali yang pertama Sekolah Melayu Sungai Kebun mengadakan perlumbaan berjalan kaki itu semenjak sekolah itu di-buka pada 2 Jun tahun ini.

Perlumbaan berjalan kaki itu telah di-bahagikan kapada empat perengkat ia-itu perengkat2 A, B, C dan D.

Sa-lain dari itu, perlumbaan berjalan kaki itu telah juga di-buka kapada Pasokan2 Sekolah tersebut.

Delapan pasokan telah bertanding, ia-itu Pasokan2 Harimau, Buaya, Beruang, Singa, Naga, Ular, Garuda dan Gajah.

Keputusan2 Perlumbaan Berjalan Kaki tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

PERENGKAT 'A': Lelaki: Johan—Othman Ibrahim. Naib Johan—Kasim bin Mohamed Tahir. Pemenang yang ke-tiga—Ja'afar Besar. Perempuan: Johan—Hasmah Zukim. Naib Johan — Zainah Ludin. Pemenang yang ke-tiga—Sahadan Saham.

PERENGKAT 'B'. Lelaki: Johan—Awangku Yusof bin Pengiran Umarali. Naib Johan — Awangku Tajuddin bin Pengiran Salleh. Pemenang yang ke-tiga — Tarif Asgar. Perempuan: Johan —Asmah Metussin. Naib Johan—Bungsu binti Munaf. Pemenang yang ke-tiga—Rokiah Rashid.

PERENGKAT 'C' Lelaki: Johan—Ibrahim Ja'afar. Naib Johan—Awangku Said bin Pengiran Sabtu. Pemenang yang ke-tiga—Tuah Othman. Perempuan: Johan—Sariah Mohamed Taha. Naib Johan — Zauyah Latif. Pemenang yang ke-tiga — Dayangku Rokiah binti Pengiran Tajuddin.

PERENGKAT 'D'. Lelaki: Johan—Zaini Mahmud. Naib Johan—Ahmad Metusin. Pemenang yang ke-tiga — Awangku Chuchu bin Pengiran Jamuddin. Perempuan: Johan—Tijah Metusin. Naib Johan—Samit Laut. Pemenang yang ke-tiga—Sara Abdul Hamid.

Keputusan2 antara pasokan2 yang telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Berjalan Kaki Sekolah Melayu Sungai Kebun pada 8 Desember yang lalu ada-lah saperti di-bawah ini:

1. Pasokan Gajah—4985 mata.
2. Pasokan Garuda — 5271 mata.
3. Pasokan Ular — 5574 mata.
4. Pasokan Naga—5633 mata.
5. Pasokan Singa—5796 mata.
6. Pasokan Beruang—5877 mata.
7. Pasokan Buaya—6437 mata.
8. Pasokan Harimau—7673 mata.

Sa-lepas selesai di-langsongkan perlumbaan berjalan kaki tersebut satu majlis memberikan uchapan2 dan menyampaikan hadiah2 telah di-langsongkan di-kawasan Sekolah Melayu Sungai Kebun.



Gambar ini di-ambil di-temasha perlumbaan berjalan kaki anjoran Sekolah Melayu Sungai Kebun baharu2 ini. Peserta yang gemok sekali dalam gambar ini ia-lah Maidin bin Metassan dari Pasokan 'D'. Umor-nya ia-lah sabelas tahun. Kalau boleh, kata-nya, ia berhajat hendak mengambil bahagian dalam Perlumbaan "Big Walk" pada tahun hadapan.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Nadhir Sekolah2 Melayu Bandar Brunei, Inche Shahbuddin bin Saleh dan Guru Besar Sekolah Melayu Sungai Kebun, Chegu Haji Abdul Hamid.

Kemudian hadiah2 telah di-sampaikan oleh Chegu Aishah binti Ariffin, Guru Besar, Sekolah Melayu Dato Kramat, Pulau Pinang, ia-itu isteri Inche Mohamed Noor bin Ahmad, bekas Yang Dipertua Agong, Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjong dari Pulau Pinang yang telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

# PERTANDINGAN TINJU KEJOHANAN SA-NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI. Seramai 19 orang ahli2 tinju dari Bandar Brunei dan Seria telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Tinju untok merebutkan gelaran Kejohanan Sa-Negeri Brunei, di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.**

Pertandingan itu telah di-adakan di-Pentas Pancharagam, Bandar Brunei pada malam 7 Desember dan di-saksikan oleh kira2 saribu orang dari berbagai2 bangsa.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Mohamed bin Pengiran Piut, Naib Yang Dipertua Persatuan Tinju Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kapada ahli2 tinju yang telah berjaya dalam pertandingan tinju tersebut.

Tiap2 perlawanan ia-lah sabanyak tiga pusingan dan keputusan2-nya di-siarkan di-bawah ini:

Perlawanan 1. Bahagian "Light Weight" Perengkat Suku Akhir: Momin mengalahkan Charlie Bogosoff dan berjaya memasoki pertandingan saparoh akhir.

Perlawanan 2. Bahagian "Light Weight": Perengkat Suku Akhir: Cedric Au mengalahkan Takong Tengah.

Perlawanan 3. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Suku Akhir: Jelinggai mengalahkan Abit Ambun.

Perlawanan 4. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Suku Akhir: John Chin mengalahkan Awangku Mat Don.

Perlawanan 5. Bahagian "Bantam Weight" Perengkat Suku Akhir: Nikman Mohamed Noor mengalahkan Abdul Hamid Hassan.

Perlawanan 6. Bahagian "Mosquito Weight" Perengkat Akhir: Sahar Al-Johari mengalahkan Awangku Yahya bin Pengiran Hashim.

Perlawanan 7. Bahagian "Light Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Walter Boyd mengalahkan Momin.

Perlawanan 8. Bahagian "Light Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Noorshah Abdullah mengalahkan Cedris Au.

Perlawanan 9. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Jelinggai mengalahkan Melee Briak.

Perlawanan 10. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Saparoh Akhir: Ahmad Tudin mengalahkan John Chin.

Perlawanan 11: Bahagian "Bantam Weight" Perengkat Akhir Nikman Mohamed Noor mengalahkan Abdillah Zakia.

Perlawanan 12. Bahagian "Bantam Weight" Perengkat Akhir: Awangku Kamaluddin mengalahkan Harry Chin.

Perlawanan 13. Bahagian "Light Weight" Perengkat Akhir: Walter Boyd mengalahkan Noorshah Abdullah.

Perlawanan 14. Bahagian "Feather Weight" Perengkat Akhir: Ahmad Tudin mengalahkan Jelinggai.



Satu pemandangan pertandingan tinju yang telah di-langsongkan di-Bandar Brunei pada malam 7 Desember.




# Bantu ringankan penderitaan penduduk Palestin di Gaza

**Rencana : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Jabatan Penerangan dan Infografik MPMK Daerah Tutong**

**PERSEMBAHAN** Kebudayaan Etnik Daerah Tutong adalah khusus untuk menyahut seruan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi mengumpulkan sumbangan untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 dalam membantu meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza berikutan pertempuran yang berlarutan sejak 7 Oktober 2023. Tabung kemanusiaan berkenaan telah dibukakan kepada orang ramai selama tiga bulan bermula 18 Oktober 2023 sehingga 18 Januari 2024.

Justeru itu, atas dasar persaudaraan dan aqidah Islam, Persembahan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong akan diadakan pada 5 Januari 2024, bermula jam 8.00 malam, bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini, dicetuskan demi membangkitkan kesedaran dan menzahirkan rasa prihatin masyarakat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam terhadap saudara-saudara Islam di Palestin yang telah menderita sekian lama. Dengan adanya persembahan kebudayaan yang akan dilaksanakan nanti, atas rasa tanggungjawab dan amanah dalam mengutip dana sumbangan ini akan dapat sedikit sebanyak membantu saudara kita di Palestin.

Sehubungan dengan itu juga, untuk mempelbagaikan bentuk pengisiannya dan sebagai memenuhi kehendak masyarakat, cita rasa penduduk, orang awam dan semua lapisan masyarakat, Jabatan Daerah Tutong (JDT) dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Tutong, bersepakat untuk mengungkayahkan acara Persembahan Kebudayaan Etnik. Dengan mengadakan kegiatan demi memupuk perpaduan penduduk di mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Tutong melalui kebudayaan. Di samping itu, ia juga bagi mengekalkan sikap pemedulian dan bekerjasama di semua peringkat terhadap kemajuan mukim dan kampung yang mempunyai etnik dan latar belakang yang berbeza. Selain itu juga, ia memberi peluang dan pendedahan kepada semua untuk mengetahui bagi memperkasakan seni dan budaya bagi memastikan pelestarian seni di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, JDT dan MPM/MPK akan sama-sama mengungkayahkan dan bekerjasama demi menyahut seruan dari KKBS dengan mengungkayahkan aktiviti yang boleh menyumbangkan sumbangan kewangan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Sebanyak 50 peratus wang terkumpul dari penjualan tiket persembahan berkenaan akan disalurkan kepada tabung berkenaan, manakala hasil selebihnya akan dikongsikan bersama-sama MPK Daerah Tutong di kampung masing-masing dan bagi pembayaran makanan dan lain-lain perbelanjaan yang memerlukan kewangan untuk menjayakan acara itu nanti.

### Konsep

Konsep Persembahan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong yang bertemakan 'Kebudayaan untuk Kedamaian' adalah mengeratkan hubungan silaturahim dengan memperkenalkan kepada masyarakat mengenai keunikan kebudayaan etnik atau rumpun jati Brunei. Adapun potensi faedah menerusi anjuran persembahan tersebut kepada daerah, mukim dan kampung ialah untuk mengukuhkan hubungan silaturahim kekeluargaan semua etnik peringkat JDT, Mukim dan Kampung di Daerah Tutong, di samping meningkatkan kesedaran dalam memelihara budaya etnik-etnik di Negara Brunei Darussalam.

### Persembahan Etnik

Penglibatan bagi menjayakan acara persembahan ini melibatkan semua penduduk di Daerah Tutong yang dipimpin oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, penghulu mukim, ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung serta Ahli Jawatankuasa MPK masing-masing.

Peserta yang terlibat dalam persembahan tersebut adalah lebih 170 orang dan sebanyak 11 persembahan akan dipersembahkan yang terdiri dari penglibatan kumpulan dari lapan buah kampung dan murid-murid sekolah Chung Hwa Tutong. Persembahan yang akan dipersembahkan terdiri dari Masyarakat Tutong; Masyarakat Dusun dari Kampung Bukit Udal; Masyarakat Melayu Kampung Bukit Beruang; Masyarakat Bisaya Kampung Batang Mitus; Masyarakat Kedayan Kampung Lamunin; Masyarakat Dusun Kampung Ukong; Masyarakat Tiong Hua Sekolah Chung Hwa Tutong; Masyarakat Tutong; Masyarakat Kampung Kiudang; Masyarakat Dusun Kampung Bukit; Masyarakat Iban; Masyarakat Kampung Keriam; dan persembahan penutup 'Gilang Si Paku Gilang' dari Kampung Lamunin.

### Objektif

- Bekerjasama untuk memupuk Solidariti, Perpaduan dan Kebudayaan. Khususnya bahagian Institusi Mukim dan Kampung Pejabat Daerah Tutong, dengan sokongan penduduk mukim dan kampung melalui kebudayaan
- Sebagai salah satu aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong
- Merintis dan mencetuskan pemikiran para penghulu, ketua-ketua kampung / pemangku ketua kampung ke arah menghidupkan kebudayaan di bawah tadahan masing-masing
- Meringankan sedikit sebanyak akan beban rakyat Palestin melalui sumbangan dana yang disalurkan nanti

### Penjualan tiket

Bagi pembelian tiket persembahan kebudayaan tersebut, orang ramai yang berminat untuk membeli, boleh menghubungi di talian +673 7152048 atau +6738 766294. Harga-harga tiket iaitu Tiket Emas BND100; Perak BND70; dan Gangsa BND50.

### Harapan

Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus Tutong, Awang Suhili bin Alas selaku Timbalan Setiausaha Kebudayaan Etnik Daerah Tutong semasa ditemu bual melahirkan harapan, "Mudah-mudahan segala apa yang kami persembahkan dan tunjukkan pada malam itu nanti akan membariga dan membuka minda kepada golongan muda khususnya AJK Biro Kebudayaan MPM dan MPK di kampung masing-masing. Supaya menjadi proaktif. Di samping itu juga, adalah diharapkan kepada orang ramai supaya sama-sama hadir sambil menderma dengan membeli tiket yang sudah ditetapkan harganya dalam sama-sama menjayakan acara itu nanti".



# INSENTIF PEMBERIAN BONUS, BERBELANJA SECARA SEDERHANA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman




**BERBELANJALAH dengan sederhana, tidak berlebih-lebihan sehingga di luar kemampuan dan mengamalkan sikap berjimat cermat serta bersederhana dalam berbelanja dan tidak berbelanja mengikut hawa nafsu (atas, atas kanan dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Disember. - Warga Perkhidmatan Awam tidak lama lagi akan menikmati pemberian bonus, iaitu satu insentif kepada pekerjaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Namun, pemberian bonus bukan bererti seseorang itu berhabis-habisan berbelanja tetapi mereka haruslah menyimpan sebahagian daripada wang bonus itu untuk digunakan pada masa akan datang.

Agama Islam tidak melarang umatnya mengumpul harta kekayaan asalkan harta kekayaan itu dibelanjakan untuk jalan kebaikan dan kebajikan serta tidak berbelanja dengan boros.

Berbelanja dengan boros adalah punca pembaziran dan seterusnya boleh mengakibatkan seseorang itu kehabisan harta, dan Allah Subhanahu Wata'ala menyifatkan membazir itu adalah saudara syaitan.

Sifat bersederhana memang telah diajarkan oleh agama Islam sendiri, di mana Islam menyuruh kita bersifat Qanaah iaitu menerima dengan rela apa yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dan sifat ini perlu dipupuk dalam diri seseorang supaya sifat tamak tidak akan menguasai diri.

Sebagai umat Islam kita sepatutnya mengamalkan jimat cermat serta bersederhana dalam apa-apa juga yang kita belanjakan, kerana amalan jimat cermat itu mendisiplinkan diri kita menuju ke arah sifat *qanaah* itu sendiri.

Walau bagaimanapun, dalam mengamalkan hidup berjimat cermat, seseorang itu juga hendaklah menjauhi sifat bakhil dan kedekut, kerana sifat tersebut melambangkan tidak bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak menunaikan tanggungjawab serta amanah Allah.

Oleh itu berbelanjalah dengan sederhana, tidak berlebih-lebihan sehingga di luar kemampuan dan mengamalkan sikap berjimat cermat serta bersederhana dalam berbelanja dan tidak berbelanja mengikut hawa nafsu.








# UNRWA BERGELUT SEDIAKAN PENJAGAAN UNTUK 50,000 WANITA HAMIL DI GAZA

**ISTANBUL**, 25 Dis. - Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia Barat (UNRWA) sedang bergelut untuk menyediakan penjagaan kesihatan untuk wanita hamil di Semenanjung Gaza di tengah-tengah serangan berterusan Israel.

"Terdapat kira-kira 50,000 wanita hamil di Semenanjung Gaza dengan lebih 180 kelahiran setiap hari. Doktor dan bidan sedang melakukan segala yang termampu bagi menyediakan penjagaan untuk wanita selepas bersalin dan ibu hamil yang berisiko tinggi, di tujuh pusat kesihatan UNRWA yang beroperasi," lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan UNRWA.

Rejim Zionis Israel telah mengebom Semenanjung Gaza dari udara dan darat selain mengepung dan melancarkan serangan darat sejak 7 Okt. Menurut angka terbaharu, sekurang-kurangnya 20,424 rakyat Palestin terbunuh dan 54,036 lagi cedera. - ©BERNAMA

## 16 maut akibat pertelingkahan di Nigeria

**ABUJA**, 25 Dis. - Kira-kira 16 orang terbunuh dalam pertelingkahan antara pengembala dan petani di Kampung Mushu di Nigeria, lapor Xinhua yang memetik media pada Ahad.

Kejadian berlaku sekitar tengah malam Sabtu dan siasatan sedang dijalankan untuk menentukan punca pergaduhan, menurut laporan AFP memetik kenyataan seorang pegawai tentera Nigeria. Polis dan pasukan keselamatan bergegas ke tempat kejadian untuk mengelakkan pertempuran berlanjutan. - ©BERNAMA

## Rezeki banjir, penduduk tangkap ikan kelah merah berharga hampir RM4,000

**KUALA BERANG**, 25 Dis. - Seorang nelayan darat tidak menyangka musibah banjir membawa 'durian runtuh' dengan kemunculan seekor ikan kelah merah seberat 18 kilogram di Sungai Berang, dekat Kampung Pengkalan Ajal di sini.

Nordin Embong, 57, berkata spesies ikan yang agak sukar dijumpai itu terperangkap di dalam pukat anak saudaranya Mohd Hafifi Abu Bakar, 33, sekitar 5.00 petang semalam.

"Anak saudara pak cik (Mohd Hafifi) tahan pukat kira-kira 3.00 petang semalam di sungai. Selepas dua jam dia pun menarik pukatnya tetapi berasa hairan kerana sangat susah untuk tarik sebab berat.

"Rupa-rupanya ada ikan kelah merah yang bersaiz hampir separuh badan manusia dewasa. Kami semua pun terkejut apabila dia bawa balik ikan sebesar itu," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pengkalan Ajal di sini hari ini.

Menurut Nordin harga ikan kelah merah di pasaran sekitar RM150 hingga RM200 sekilogram dan harga ikan kelah merah yang dijumpai itu mampu mencecah sekitar RM3,600.

"Harga itu adalah harga ikan yang telah mati. Kalau ikan ini masih hidup harganya akan mahal dua kali ganda.

"Semalam ada orang hubungi pak cik nak beli ikan ini sekiranya masih hidup untuk dijadikan sebagai ikan induk, tetapi ikan ini telah mati dan dia membatalkan hasrat untuk membeli," katanya menambah ikan berkenaan mati selepas beberapa jam dibawa pulang.

Nordin berkata setiap kali musim banjir kebanyakan penduduk akan menjalankan aktiviti menangkap ikan darat sebagai pendapatan sampingan, namun ikan kelah merah bersaiz gergasi itu didakwa adalah yang pertama kali muncul di kampungnya.

"Seumur hidup pak cik ini kali pertama tengok ikan kelah merah sebesar ini. Sebelum ini pun paling besar pak cik pernah lihat seberat 10 kilogram sahaja. Ikan itu pakcik tangkap sendiri pada musim banjir tahun lepas," katanya.

Ikan darat yang ditangkap penduduk, menurut Nordin kebiasaannya akan dibeli pengusaha restoran di sekitar Kuala Berang. - ©BERNAMA

## Dua unit kuarters Balai Polis Tanjung Malim terbakar

**IPOH**, 25 Dis. - Dua unit kuarters Balai Polis Tanjung Malim terbakar hari ini, bagaimanapun kejadian tidak menyebabkan sebarang kemalangan jiwa.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad berkata kebakaran itu melibatkan bangunan kelas A berkeluasan 30x15 kaki persegi setiap rumah.

Beliau berkata satu unit terbakar 90 peratus dan satu lagi 50 peratus manakala operasi pemadaman masih dilakukan.

"Bomba menerima panggilan berkaitan kejadian pada 2.28 petang. Ketika kejadian, penghuni tidak berada di kuarters dan kebakaran dapat dikawal pada 3.15 petang," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sabarodzi berkata punca kejadian sedang disiasat. - ©BERNAMA

## 1 maut, 4 cedera dalam insiden tembakan di Houston

**HOUSTON**, 25 Dis. - Seorang maut manakala empat lagi cedera ditembak selepas berlaku pertengkaran di luar sebuah kelab di Houston pada Ahad, kata pihak berkuasa, lapor Xinhua.

"Kejadian berlaku kira-kira 3 pagi waktu tempatan (0900 GMT), seorang lelaki cuba melarikan diri sebelum rebah akibat kecederaan dialami," kata Penolong Ketua Polis Houston Megan Howard pada sidang media.

Howard berkata lelaki itu dikenal pasti sebagai Isaiah Paker, berusia 20-an dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian dengan beberapa kesan tembakan.

Parker bertugas sebagai pekerja rencam dan menghadiri parti Krismas bersama 14 adik-beradiknya beberapa jam sebelum kejadian, lapor media tempatan memetik keluarga mangsa.

Seramai lima lelaki berusia awal 20-an melarikan diri dari tempat kejadian menaiki sebuah trak yang disyaki dicuri. Pemandu dan trak berkenaan belum ditemukan. - ©BERNAMA

## 2 maut, 29 cedera dalam kebakaran pangsapuri di Korea Selatan

**SEOUL**, 25 Dis. - Seramai dua orang terkorban manakala 29 lagi cedera dalam kebakaran membabitkan sebuah pangsapuri 27 tingkat di Seoul pada Isnin, lapor Xinhua memetik Agensi Berita Yonhap.

Kebakaran tercetus di tingkat tiga bangunan kira-kira 4.57 pagi waktu tempatan (1957 GMT Ahad). Dua lelaki berusia 30-an dan seorang wanita berusia 70-an telah dibawa ke hospital akibat serangan jantung, namun dua daripadanya meninggal dunia.

Semasa proses pemindahan, 28 orang cedera akibat terhidu asap dan 20 daripada mereka dibawa ke hospital untuk menerima rawatan lanjut.

Api berjaya dipadamkan sepenuhnya kira-kira tiga jam kemudian. Sebanyak 57 jentera dan lebih 200 anggota dikerah ke lokasi kejadian. Punca kejadian sedang disiasat. - ©BERNAMA

## 23 penerbangan di Lapangan Terbang Sydney dibatalkan pada Krismas

**SYDNEY**, 25 Dis. - Sekurang-kurangnya 23 penerbangan keluar dan masuk dari Lapangan Terbang Sydney Australia dibatalkan pada Hari Krismas susulan hujan lebat dan banjir kilat sehari sebelum itu, Xinhua memetik media tempatan pada Isnin.

Papan ketibaan dan pelepasan Lapangan Terbang Sydney menunjukkan pembatalan 23 penerbangan menjelang 7 pagi Isnin (2000 GMT Ahad).

Meskipun lapangan terbang itu mengesahkan tiada gangguan operasi pada Isnin, namun ia berkemungkinan kesan daripada kelewatan dan pemåbatalan pada malam Krismas yang disebabkan oleh hujan lebat dan ribut petir, menurut laporan media tempatan.

Pembatalan pada Isnin termasuk tujuh penerbangan Virgin, enam Qantas, tiga Jetstar, serta beberapa penerbangan yang dikendalikan oleh syarikat serantau kecil. Virgin Australia mengesahkan pembatalan disebabkan cuaca buruk di Sydney dan kawasan sekitar sejak 24 jam lalu. - ©BERNAMA

## Perhimpunan Agung PBB lulus belanjawan bagi 2024

**NEW YORK**, 25 Dis. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meluluskan bajet tetap tahunan kira-kira US$3.59 bilion, lapor Xinhua memetik UN News pada Ahad. Bajet bagi 2024 adalah lebih tinggi berbanding 2023 yang berjumlah hampir US$3.4 bilion.

Belanjawan tetap meliputi aktiviti PBB meliputi pelbagai bidang, termasuk hal ehwal politik, keadilan dan undang-undang antarabangsa, kerjasama serantau untuk pembangunan, hak asasi manusia dan hal ehwal kemanusiaan serta maklumat awam.

Badan dunia itu mempunyai belanjawan pengaman berasingan yang mempunyai kitaran fiskal yang berakhir pada 30 Jun. - ©BERNAMA

## Polis tahan 201 individu, rampas dadah bernilai lebih RM1.5 juta

**KOTA BHARU**, 25 Dis. - Polis menahan 201 individu dan merampas pelbagai dadah bernilai lebih RM1.5 juta menerusi Op Tapis Bersepadu di negeri ini bermula 21 Disember hingga semalam.

Timbalan Ketua Polis Kelantan, DCP Mohd Ali Tamby berkata kesemua ditahan berusia lingkungan 18 hingga 68 tahun dengan dadah dirampas antaranya ialah pil yaba, ganja, syabu, pil psikotropik, Erimin 5 dan kodein.

"Dua lelaki berusia 29 dan 36 tahun antara ditahan kerana memiliki 2,000 biji pil kuda berhampiran sebuah kedai makan di Kampung Pendek Batu 5, Jalan Salor, di sini, kira-kira 5.00 petang semalam.

"Hasil penahanan itu, polis menyerbu sebuah rumah di Kampung Padang Embon, Pasir Mas dan menemukan 30,000 biji pil kuda," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Ali berkata pil kuda yang dirampas dalam kedua-dua serbuan berjumlah 32,000 biji dianggar bernilai RM197,230.

Beliau berkata kedua-dua lelaki itu negatif terhadap dadah, namun seorang daripadanya memiliki dua rekod berkaitan dadah.

"Kedua-duanya direman hingga 31 Disember ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# COVID-19, FLU MENINGKAT DI AS KETIKA MUSIM CUTI, TINGKAT RISIKO KESIHATAN

**LOS ANGELES,** 26 Dis. - Amerika Syarikat (AS) mengalami peningkatan kes flu dan COVID-19 di tengah-tengah musim cuti dan pakar kesihatan bimbang berhubung peningkatan risiko kesihatan yang dibawa oleh penularan penyakit pernafasan secara serentak.

Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS jumlah penyakit pernafasan itu menyebabkan orang ramai yang mendapatkan penjagaan kesihatan semakin meningkat di kebanyakan kawasan di negara itu, lapor Xinhua.

Pakar kesihatan berkata peningkatan penyakit itu disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk perhimpunan semasa perayaan, jumlah individu yang tidak divaksin yang tinggi dan kemunculan varian COVID-19 baharu yang berpotensi lebih mudah ditularkan.

Data terkini CDC menunjukkan aktiviti influenza bermusim adalah tinggi di Amerika Syarikat dan terus meningkat di kebanyakan wilayah di negara itu.

Menurut CDC terdapat sekurang-kurangnya 5.3 juta orang jatuh sakit dengan 54,000 orang dimasukkan ke hospital manakala 3,200 kematian akibat flu di Amerika Syarikat sepanjang musim ini.

CDC berkata bilangan kemasukan mingguan ke hospital akibat flu terus meningkat, dengan lebih 9,800 pesakit dimasukkan ke hospital kerana selesema dalam minggu yang berakhir pada 16 Dis. Sebanyak 14 kematian kanak-kanak yang berkaitan dengan flu telah dilaporkan di AS sepanjang musim ini.

Sementara itu, subvarian COVID-19 baharu JN.1 merebak dengan pantas di Amerika Syarikat, menjadi penyumbang utama kepada kes-kes baharu COVID-19 di negara itu. Menurut CDC JN.1 bertanggungjawab bagi lebih 44 peratus jangkitan baharu di seluruh negara, meningkat daripada 21.4 peratus yang dilaporkan sebelum ini.

CDC menganggarkan bahawa JN.1 paling banyak direkodkan di wilayah Timur Laut, termasuk New Jersey dan New York, menyumbang hampir 57 peratus daripada jumlah kes.

JN.1, yang berkait rapat dengan varian BA.2.86 yang telah dipantau oleh CDC sejak Ogos, kali pertama dikesan di Amerika Syarikat pada Sept 2023. CDC berkata JN.1 mungkin lebih mudah ditularkan berbanding varian lain "atau lebih baik dalam mengelak sistem imun manusia berbanding varian lain".

Pakar kesihatan bimbang bahawa penularan penyakit pernafasan secara serentak boleh meningkatkan risiko kesan meluas terhadap kesihatan awam dan sistem penjagaan kesihatan.

Ia juga menggesa orang ramai untuk mengambil langkah pencegahan, termasuk vaksinasi dan mematuhi garis panduan kesihatan, untuk mengurangkan penyebaran jangkitan dan mengelakkan penyakit yang teruk daripada virus. - ©BERNAMA

# Iran mahu hidupkan semula hubungan diplomatik dengan Mesir selepas terputus empat dekad

**BERLIN**, 26 Dis. - Selepas hubungan yang tegang lebih 40 tahun, Iran berharap untuk menyambung semula hubungan diplomatik dengan saingan politiknya, Mesir.

"Rundingan memperlihatkan harapan yang baik setakat ini dengan kedua-dua negara berada pada kedudukan yang baik untuk mengatasi perbezaan sesama mereka ke arah membuka lembaran diplomatik baharu," lapor agensi berita Jerman memetik jurucakap Kementerian Luar Iran Nasser Kanaani pada Isnin seperti yang dilaporkan oleh Tasnim, agensi berita Iran.

Jalinan semula hubungan itu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada kedua-dua negara, bahkan kepada dunia Islam khususnya rakyat Palestin di Semenanjung Gaza yang berdepan konflik semasa, menurut Kanaani.

Presiden Iran Ebrahim Raisi dan rakan sejawatannya dari Mesir Abdel-Fattah al-Sissi bertemu buat kali pertama pada November di luar sidang kemuncak Islam di Riyadh, ibu negara Arab Saudi.

Menurut laporan media Iran, kedua-dua presiden bersetuju dengan pelan tindakan untuk menyelesaikan perbezaan masa lampau dan memudahcara hubungan yang semakin mesra.

Kedua-dua pemimpin itu bercakap melalui telefon minggu lepas untuk membincangkan perkembangan terkini di Semenanjung Gaza dan pelan tindakan, lapor pejabat presiden Iran.

Hubungan Tehran dan Kaherah tegang sejak empat dekad lalu.

Shah Iran terakhir Mohammad Reza Pahlavi, yang dibuang negeri dalam Revolusi Islam 1979, meninggal dunia di Mesir pada tahun berikutnya dan dikebumikan di Kaherah.

Walaupun kedua-dua negara telah membuka saluran diplomatik sejak beberapa tahun kebelakangan ini, mereka tidak bertukar-tukar duta. - ©BERNAMA

# Muzium Padi jadi tumpuan pengunjung pada cuti sekolah

**ALOR SETAR**, 26 Dis. - Muzium Padi di Jalan Gunung Keriang dekat sini, menjadi antara lokasi tumpuan pengunjung di Kedah bersempena dengan cuti penggal persekolahan kali ini, sesuai dengan gelaran negeri itu sebagai Jelapang Padi negara.

Muzium yang terletak di kawasan gunung dikelilingi sawah padi itu bukan sahaja mempunyai pemandangan yang sangat menarik, malah turut menjadi lokasi terbaik untuk orang ramai mendapatkan penerangan tentang kegiatan penanaman dan penuaian padi.

Seorang pengunjung, Rahmat Rawi, 44, dari Seremban, Negeri Sembilan berkata ini merupakan kali pertama dia, isteri serta empat anaknya melawat Muzium Padi walaupun telah beberapa kali bercuti di Kedah.

"Saya memang telah lama bercadang untuk bawa anak-anak ke sini kerana mereka tidak tahu macam mana padi ditanam walaupun setiap hari makan nasi. Jadi, ini sekali gus dapat memberi pendedahan baharu kepada anak-anak yang selama ini membesar di kawasan bandar.

"Saya sendiri teruja kerana tidak sangka banyak yang boleh dilihat dan dipelajari di Muzium Padi ini dan bagi saya semuanya menarik, jadi anak-anak tidak mudah bosan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Sementara itu, Mohamad Hidzir Omar, 43, dari Tokai, Pendang berkata dia memilih membawa empat anaknya yang berusia antara empat hingga 14 tahun kerana ingin memberi pendedahan mengenai padi yang merupakan ikon negeri ini.

"Muzium ini landskapnya sangat menarik, tempat sejarah untuk mengenal asal usul padi. Generasi sekarang kurang pendedahan berkaitan perkara ini. Walaupun cuti sekolah, ramai orang suka bercuti di luar negeri, bagi saya tidak perlu kerana di Kedah pun banyak lagi tempat bersejarah yang boleh diterokai.

"Tambahan pula, tiket berharga RM5 untuk dewasa dan RM2 untuk kanak-kanak sangat berbaloi. Bagi yang belum pernah datang ke Muzium Padi, tidak rugi untuk datang ke sini dan mempelajari perkara-perkara baharu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Muzium Kedah Suhaidi Shukri berkata jumlah pengunjung ke Muzium Padi sepanjang cuti persekolahan ini sememangnya meningkat mendadak dan pihaknya menyediakan aktiviti tambahan untuk meraikan para pengunjung sepanjang waktu operasi muzium bermula 9 pagi hingga 5 petang.

"Kami buka gerai-gerai usahawan desa di pekarangan muzium sepanjang cuti sekolah ini, yang menjual pelbagai kuih serta makanan tradisional negeri ini dan ia secara tidak langsung meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

"Selain itu, kami juga buat cabutan bertuah kepada pengunjung dan mereka berpeluang membawa pulang hamper yang disediakan khas oleh pihak muzium," katanya kepada Bernama.

Suhaidi berkata selain Muzium Padi yang menjadi lokasi utama pilihan pengunjung, Muzium Negeri yang terletak di tengah bandar raya ini turut menjadi tumpuan orang ramai pada cuti sekolah ini. - ©BERNAMA

# Penasihat Tentera Iran terbunuh dalam serangan Israel di Syria

**TEHRAN (Iran)**, 26 Dis. - Seorang pegawai kanan Kor Pengawal Revolusi Islam Iran (IRGC) terbunuh dalam serangan Israel di pinggir bandar ibu negara Syria, Damsyik, menurut media Iran pada Isnin lapor Agensi Anadolu (AA).

Menurut laporan media Sayyed Razi yang berkhidmat sebagai penasihat kanan tentera untuk IRGC di Syria, maut dalam serangan udara di kawasan Sayyeda Zeinab di Damsyik.

Dalam satu kenyataan, jabatan perhubungan awam IRGC menyifatkan Razi sebagai "penasihat tentera berpengalaman dan rakan baik kepada komander tentera yang terbunuh Jeneral Qassem Soleimani.

Pembunuhan Razi berlaku di tengah-tengah siri serangan ke atas pangkalan tentera AS dan kepentingan Israel di Iraq dan Syria dalam beberapa minggu kebelakangan ini yang dikaitkan dengan kumpulan yang disokong oleh Iran di Iraq.

Iran mengekalkan kehadiran tentera yang ketara di Syria dan kerap mencetuskan ketegangan antara Tehran dan Washington memandangkan tentera Amerika juga ditempatkan di negara itu.

Peningkatan ketegangan itu berlaku ketika konflik Israel-Hamas di Semenanjung Gaza masih berterusan, meragut hampir 20,700 nyawa rakyat Palestin. - ©BERNAMA

# Kabus tebal jejas penerbangan di lapangan terbang New Delhi

**NEW DELHI**, 26 Dis. - Kabus tebal menjejaskan berpuluh-puluh penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Indira Gandhi di New Delhi pada pagi Selasa berikutan jarak penglihatan berkurangan secara drastik.

Ketibaan dan pelepasan berpuluh-puluh penerbangan, termasuk perkhidmatan antarabangsa, terjejas pada sebelah pagi dan lima penerbangan dilencongkan ke lapangan terbang Jaipur di negeri Rajasthan antara 8.30 pagi dan 10 pagi.

"Walaupun pendaratan dan pelepasan diteruskan di lapangan terbang Delhi, penerbangan yang tidak mematuhi CAT III mungkin terjejas. Penumpang diminta menghubungi syarikat penerbangan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terkini penerbangan," menurut lapangan terbang itu dalam makluman nasihatnya.

Kabus tebal berkemungkinan berterusan di wilayah barat laut India dan bahagian tengah India yang bersebelahan dalam tempoh tiga hingga empat hari akan datang, menurut jabatan cuaca pada Selasa.

Pencemaran udara juga meningkat di Delhi dalam tempoh beberapa hari kebelakangan ini disebabkan keadaan cuaca sejuk, dengan kualiti udara yang jauh lebih buruk daripada tahap selamat. - ©BERNAMA

# Lebih 120,000 rumah di Queensland alami gangguan bekalan elektrik akibat ribut petir

**SYDNEY**, 26 Dis. - Seorang wanita maut manakala lebih 120,000 rumah terputus bekalan elektrik di Queensland Australia susulan ribut petir yang melanda bahagian tenggara negeri itu pada malam Krismas, lapor media tempatan pada Selasa.

Wanita berusia 50-an itu meninggal dunia di Helensvale, pinggir bandar Gold Coast, selepas sebatang pokok tumbang menghempapnya semasa beliau berjalan kaki, lapor Xinhua memetik akhbar tempatan The Courier-Mail.

Menurut akhbar itu, kira-kira 127,000 rumah terputus bekalan elektrik di Gold Coast, Scenic Rim dan Logan.

Gangguan itu mungkin berlarutan selama beberapa hari ketika kru syarikat elektrik tempatan Energex bertungkus lumus membaiki sebanyak 875 talian elektrik yang terjejas akibat ribut petir berkenaan.

Sementara itu, amaran ribut petir baharu dikeluarkan pada petang Selasa, dengan beberapa kawasan di pinggir bandar Brisbane dilanda hujan batu sebesar bola golf.

Penyiar ABC News Australia pada Sabtu melaporkan bahawa ribut petir mungkin melanda timur Australia semasa tempoh Krismas tahun ini disebabkan oleh corak cuaca yang luar biasa.

Menurut laporan itu ribut petir di negeri-negeri di tenggara Australia berlarutan dari malam Krismas hingga Boxing Day atau dari Ahad hingga Selasa. - ©BERNAMA

Pelita Brunei




# RIADAH BERJALAN KAKI, KEKAL AKTIF LAKUKAN SENAMAN

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**



**MENGAMALKAN berjalan kaki di dalam rutin harian bukan sahaja membantu kita kekal cergas malah juga membolehkan kita menerokai destinasi percutian yang unik dan bermakna (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 25 Disember. - Berjalan kaki adalah senaman yang tidak memerlukan banyak modal dan memberi banyak manfaat terutama sekali kepada kesihatan anggota badan.

Ia lebih seronok jika dilakukan secara berkumpulan bersama kawan-kawan, pasangan kita atau pun keluarga.

Berjalan kaki tidak perlu masa yang lama, cukup hanya 30 minit atau satu jam berjalan keliling kawasan perumahan sebelum melakukan rutin kerja harian.

Ketika musim percutian ini, kita semua bolehlah memanfaatkan percutian yang ada dengan berjalan kaki tidak kira di mana sahaja kita berada.

Perkara ini juga disarankan oleh Kementerian Kesihatan dan dikongsikan kepada orang ramai.

Mengamalkan berjalan kaki di dalam rutin harian bukan sahaja membantu kita kekal cergas malah juga membolehkan kita menerokai destinasi percutian yang unik dan bermakna.

Antara faedah berjalan kaki yang boleh diperolehi ialah dapat menguatkan tulang dan otot serta melepaskan *endorfin* yang membantu meningkatkan *mood* dan mengurangkan tekanan.

Selain itu, ia juga dapat membantu dalam penurunan atau pengurusan berat badan dan meningkatkan kualiti tidur.

Berjalan kaki juga mampu mendapatkan fungsi kognitif yang lebih baik, termasuk memori dan konsentrasi juga meningkatkan kualiti hidup.

Pakar juga berpendapat berjalan kaki mampu mengurangkan risiko beberapa jenis kanser dan mengurangkan risiko Osteoporosis dan kejatuhan (untuk warga emas), serta mengurangkan risiko tekanan darah tinggi dan mengurangkan risiko penyakit kronik seperti Diabetes Jenis 2, Penyakit Jantung dan Strok.

Berjalan-jalan secara santai semasa percutian misalnya di pusat membeli-belah dan tempat-tempat peranginan yang dikunjungi.

Berjalan adalah senaman yang ringkas dan menyeronokkan yang membolehkan kita kekal aktif dan menerokai tempat-tempat yang menarik.

Sebagai tambahan jika boleh, pilihlah untuk menaiki tangga berbanding lif untuk menambah senaman.

Berjalan kaki dapat membantu membakar kalori terutama sekali 10,000 langkah sehari secara berterusan mampu mengurangkan 64 gram lemak dalam badan.

Orang ramai juga boleh menggunakan BruHealth dan sertai 'BN On The Move' untuk memastikan diri kita bermotivasi dan akan dapat mencapai langkah yang disasarkan setiap hari.

# Mohamad Aniq buru *ranking* keempat kelayakan Olimpik Paris

**KUALA LUMPUR**, 26 Dis. - Atlet angkat berat negara Mohamad Aniq Kasdan mahu terus menyinar tahun hadapan dengan meletakkan misi pertamanya untuk memburu sekurang-kurangnya kedudukan keempat di *ranking* kelayakan Olimpik sebelum ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Badang negara berusia 21 tahun itu berkata untuk merealisasikan misi itu, beliau perlu membuat angkatan keseluruhan sebanyak 305 kilogram (kg) di Piala Dunia 2024 di Phuket, Thailand pada April depan.

"Jurulatih memang sasar untuk kejar angkatan 305kg, kalau buat angkatan dalam 300kg saya kira akan menghuni *ranking* keempat dunia dan itu sasaran saya sebelum ke Olimpik tahun depan.

"Sekarang saya sudah di *ranking* ketujuh dunia, selepas kejohanan di Qatar dua minggu lepas dan saya harap tiada yang mampu memotong kedudukan ini," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Awal Disember lepas, atlet kelahiran Johor itu melakar kejayaan sensasi dengan meraih dua pingat di Kejohanan Angkat Berat Antarabangsa di Doha, Qatar.

Mohamad Aniq cemerlang dengan melakukan angkatan 170kg bagi *clean & jerk* kategori 61kg untuk merangkul perak dan membuat angkatan 126kg dalam *snatch* sekali gus merekodkan angkatan keseluruhan 296kg.

Lebih manis, kejayaan Mohamad Aniq itu menyaksikan beliau memperbaharui rekod kebangsaan 291kg miliknya sendiri semasa memenangi pingat gangsa pada Kejohanan Angkat Berat Dunia 2023 di Riyadh, Arab Saudi pada September lepas.

Pencapaian itu sekali gus meletakkan Mohamad Aniq di kedudukan ketujuh *ranking* kelayakan Olimpik dan penyertaan pada Sukan Olimpik dihadkan kepada atlet di kedudukan 10 terbaik ranking kelayakan Olimpik sahaja.

Namun, ia belum menjamin slot buat Mohamad Aniq untuk ke temasya berprestij itu memandangkan ranking kelayakan akan sering berubah dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, Mohamad Aniq berkata jurulatihnya Edmund Yeo akan memberi tumpuan untuk memberi tekanan bagi acara *snatch* dalam persediaan ke piala dunia.

"Sekarang saya sedang rehat, tapi untuk Januari nanti jurulatih akan beri latihan berintensiti tinggi selain tekankan untuk acara snatch, sebab masa di Qatar saya rasa ada kelemahan yang banyak pada snatch.

"Kami akan teruskan latihan di tanah air, sebelum bulan Mac kami akan ke Shanghai, China untuk sertai kem latihan, saya rasa di Shanghai saya akan lebih fokus dan bantu saya ke piala dunia," katanya. Piala Dunia 2024 akan berlangsung di Phuket, Thailand bermula 2-11 April tahun depan.

Sementara itu, mengulas mengenai perkembangannya yang kini berada dalam program Road to Gold (RtG), pemenang pingat emas Sukan Komanwel 2022 itu berkata kemudahan yang disediakan program itu nyata banyak membantu beliau untuk meningkatkan prestasinya pada masa akan datang.

"Dengan kemudahan yang saya terima juga, sedikit sebanyak jadi pembakar semangat untuk saya teruskan prestasi cemerlang supaya saya kekal berada dalam program ini," katanya. - ©BERNAMA